

Volume I
No. 34



Saturday
12th December, 1964

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RA'AYAT
(HOUSE OF REPRESENTATIVES)

OFFICIAL REPORT

**FIRST SESSION OF THE SECOND PARLIAMENT
OF MALAYSIA**

CONTENTS

BILL PRESENTED:

The Local Government Election (Amendment) Bill
[Col. 4347]

BILL:

The Supply Bill, 1965—

Committee of Supply (Eighth Allotted Day) Head S. 17
[Col. 4347]

MALAYSIA

DEWAN RA'AYAT
(HOUSE OF REPRESENTATIVES)

Official Report

First Session of the Second Dewan Ra'ayat

Saturday, 12th December, 1964

The House met at Ten o'clock a.m.

PRESENT:

- The Honourable Mr Speaker, DATO' CHIK MOHAMED YUSUF BIN SHEIKH ABDUL RAHMAN, S.P.M.P., J.P., Dato' Bendahara, Perak.
- „ the Deputy Prime Minister, Minister of Defence, Minister of National and Rural Development, TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATO' HUSSAIN, S.M.N. (Pekan).
- „ the Minister of Finance, ENCHE' TAN SIEW SIN, J.P. (Melaka Tengah).
- „ the Minister of Transport, DATO' HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N. (Pontian Utara).
- „ the Minister of Health, ENCHE' BAHAMAN BIN SAMSUDIN (Kuala Pilah).
- „ the Minister for Welfare Services, TUAN HAJI ABDUL HAMID KHAN BIN HAJI SAKHAWAT ALI KHAN, J.M.N., J.P. (Batang Padang).
- „ the Minister for Sarawak Affairs, DATO' TEMENGGONG JUGAH ANAK BARIENG, P.M.N., P.D.K. (Sarawak).
- „ the Minister of Information and Broadcasting, ENCHE' SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kubang Pasu Barat).
- „ the Minister of Lands and Mines, ENCHE' MOHD. GHAZALI BIN HAJI JAWI (Ulu Perak).
- „ the Minister without Portfolio, ENCHE' PETER LO SU YIN (Sabah).
- „ the Assistant Minister of Commerce and Industry, TUAN HAJI ABDUL KHALID BIN AWANG OSMAN (Kota Star Utara).
- „ the Assistant Minister of National and Rural Development and Assistant Minister of Justice, ENCHE' ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB (Sarawak).
- „ the Assistant Minister of Agriculture and Co-operatives, ENCHE' SULAIMAN BIN BULON (Bagan Dato).
- „ the Assistant Minister of Culture, Youth and Sports, ENGKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, J.M.N., S.M.T., P.J.K. (Trengganu Tengah).
- „ ENCHE' ABDUL GHANI BIN ISHAK, A.M.N. (Melaka Utara).
- „ ENCHE' ABDUL KARIM BIN ABU, A.M.N. (Melaka Selatan).

The Honourable WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, P.P.T. (Kuala Trengganu Utara).

- „ WAN ABDUL RAHMAN BIN DATU TUANKU BUJANG (Sarawak).
- „ ENCHE' ABDUL RAUF BIN A. RAHMAN, K.M.N., P.J.K. (Krian Laut).
- „ ENCHE' ABDUL SAMAD BIN GUL AHMAD MIANJI (Pasir Mas Hulu).
- „ Y.A.M. TUNKU ABDULLAH IBNI AL-MARHUM TUANKU ABDUL RAHMAN, P.P.T. (Rawang).
- „ TUAN HAJI ABDULLAH BIN HAJI MOHD. SALLEH, A.M.N., S.M.J., P.I.S. (Segamat Utara).
- „ ENCHE' ABU BAKAR BIN HAMZAH (Bachok).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN ABDULLAH (Kelantan Hilir).
- „ ENCHE' AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).
- „ CHE' AJIBAH BINTI ABOL (Sarawak).
- „ ENCHE' ALI BIN HAJI AHMAD (Pontian Selatan).
- „ O. K. K. DATU ALIUDDIN BIN DATU HARUN, P.D.K. (Sabah).
- „ ENCHE' AZIZ BIN ISHAK (Muar Dalam).
- „ ENCHE' JONATHAN BANGAU ANAK RENANG, A.B.S. (Sarawak).
- „ PENGARAH BANYANG ANAK JANTING, P.B.S. (Sarawak).
- „ ENCHE' CHAN SEONG YOON (Setapak).
- „ ENCHE' CHAN SIANG SUN (Bentong).
- „ ENCHE' CHIN FOON (Ulu Kinta).
- „ ENCHE' C. V. DEVAN NAIR (Bungsar).
- „ ENCHE' EDWIN ANAK TANGKUN (Sarawak).
- „ DATIN FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID (Johor Bahru Timor).
- „ ENCHE' S. FAZUL RAHMAN, A.D.K. (Sabah).
- „ ENCHE' GANING BIN JANGKAT (Sabah).
- „ ENCHE' GEH CHONG KEAT, K.M.N. (Penang Utara).
- „ ENCHE' HANAFI BIN MOHD. YUNUS, A.M.N., J.P. (Kulim Utara).
- „ ENCHE' HARUN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Baling).
- „ WAN HASSAN BIN WAN DAUD (Tumpat).
- „ ENCHE' HUSSEIN BIN To' MUDA HASSAN, A.M.N. (Raub).
- „ ENCHE' HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, A.M.N., P.J.K. (Parit).
- „ TUAN HAJI HUSSAIN RAHIMI BIN HAJI SAMAN (Kota Bharu Hulu).
- „ ENCHE' IKHWAN ZAINI (Sarawak).
- „ PENGHULU JINGGUT ANAK ATTAN, Q.M.C., A.B.S. (Sarawak).
- „ ENCHE' KADAM ANAK KIAI (Sarawak).
- „ ENCHE' KAM WOON WAH, J.P. (Sitiawan).
- „ ENCHE' EDMUND LANGGU ANAK SAGA (Sarawak).
- „ ENCHE' LEE KUAN YEW (Singapore).
- „ ENCHE' LEE SAN CHOON, K.M.N. (Segamat Selatan).
- „ ENCHE' LEE SECK FUN (Tanjong Malim).

- The Honourable DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kota Star Selatan).
- ENCHE' T. MAHIMA SINGH, J.P. (Port Dickson).
- DATO' DR HAJI MEGAT KHAS, D.P.M.P., J.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- ORANG TUA MOHAMMAD DARA BIN LANGPAD (Sabah).
- ENCHE' MOHD. DAUD BIN ABDUL SAMAD (Besut).
- ENCHE' MOHAMED IDRIS BIN MATSIL, J.M.N., P.J.K., J.P. (Jelebu-Jempol).
- ENCHE' MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- ENCHE' MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).
- ENCHE' MOHD. ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, J.M.N. (Sungai Patani).
- WAN MOKHTAR BIN AHMAD (Kemaman).
- TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL (Perlis Selatan).
- ENCHE' MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN HAJI ABDULLAH (Pasir Mas Hilir).
- TUAN HAJI MUHAMMAD SU'AUT BIN HAJI MUHD. TAHIR, A.B.S. (Sarawak).
- DATO' HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., A.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- ENCHE' MUSTAPHA BIN AHMAD (Tanah Merah).
- DATO' NIK AHMAD KAMIL, D.K., S.P.M.K., S.J.M.K., P.M.N., P.Y.G.P., Dato' Sri Setia Raja (Kota Bharu Hilir).
- ENCHE' NG FAH YAM (Batu Gajah).
- DR NG KAM POH, J.P. (Telok Anson).
- ENCHE' ONG KEE HUI (Sarawak).
- TUAN HAJI OTHMAN BIN ABDULLAH (Hilir Perak).
- ENCHE' OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).
- ABANG OTHMAN BIN HAJI MOASIL, P.B.S. (Sarawak).
- ENCHE' S. RAJARATNAM (Singapore).
- TUAN HAJI RAHMAT BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Johor Bahru Barat).
- ENCHE' RAMLI BIN OMAR (Krian Darat).
- TUAN HAJI REDZA BIN HAJI MOHD. SAID, P.J.K., J.P. (Rembau-Tampin).
- RAJA ROME BIN RAJA MA'AMOR, P.J.K., J.P. (Kuala Selangor).
- ENCHE' SANDOM ANAK NYUAK (Sarawak).
- ENCHE' SEAH TENG NGIAB, P.I.S. (Muar Pantai).
- ENCHE' D. R. SEENIVASAGAM (Ipoh).
- ENCHE' SIM BOON LIANG (Sarawak).
- ENCHE' SNG CHIN JOO (Sarawak).
- ENCHE' SOH AH TECK (Batu Pahat).
- ENCHE' SULEIMAN BIN ALI (Dungun).
- ENCHE' TAJUDIN BIN ALI, P.J.K. (Larut Utara).
- ENCHE' TAI KUAN YANG (Kulim-Bandar Bharu).
- ENCHE' TAMA WENG TINGGANG WAN (Sarawak).

- The Honourable ENCHE' TAN TOH HONG (Bukit Bintang).
- „ ENCHE' TAN TSAK YU (Sarawak).
- „ ENCHE' TIAH ENG BEE (Kluang Utara).
- „ PENGHULU FRANCIS UMPAU ANAK EMPAM (Sarawak).
- „ ENCHE' YEOH TAT BENG (Bruas).
- „ ENCHE' YONG NYUK LIN (Singapore).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN HAJI MOHD. TAIB, P.J.K. (Langat).

ABSENT:

- The Honourable the Prime Minister, Minister of External Affairs and Minister of Culture, Youth and Sports, Y.T.M. TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ, K.O.M. (Kuala Kedah).
- „ the Minister of Home Affairs and Minister of Justice, DATO' DR ISMAIL BIN DATO' HAJI ABDUL RAHMAN, P.M.N. (Johor Timor).
- „ the Minister of Works, Posts and Telecommunications, DATO' V. T. SAMBANTHAN, P.M.N. (Sungei Siput).
- „ the Minister of Agriculture and Co-operatives and Minister of Education, ENCHE' MOHAMED KHIR JOHARI (Kedah Tengah).
- „ the Minister of Commerce and Industry, DR LIM SWEE AUN, J.P. (Larut Selatan).
- „ the Minister for Local Government and Housing, ENCHE' KHAW KAI-BOH, P.J.K. (Ulu Selangor).
- „ the Minister of Labour, ENCHE' V. MANICKAVASAGAM, J.M.N., P.J.K. (Klang).
- „ the Assistant Minister of Education, ENCHE' LEE SIOK YEW, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ ENCHE' ABDUL RAHIM ISHAK (Singapore).
- „ ENCHE' ABDUL RAHMAN BIN HAJI TALIB, P.J.K. (Kuantan).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS (Sabah).
- „ ENCHE' ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN (Lipis).
- „ DATO' ABDULLAH BIN ABDULRAHMAN, Dato' Bijaya di-Raja (Kuala Trengganu Selatan).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN SAAID, J.P. (Seberang Utara).
- „ DR AWANG BIN HASSAN, S.M.J. (Muar Selatan).
- „ ENCHE' E. W. BARKER (Singapore).
- „ ENCHE' CHAN CHONG WEN, A.M.N. (Kluang Selatan).
- „ ENCHE' CHEN WING SUM (Damansara).
- „ ENCHE' CHIA CHIN SHIN, A.B.S. (Sarawak).
- „ ENCHE' FRANCIS CHIA NYUK TONG (Sabah).
- „ ENCHE' CHIA THYE POH (Singapore).
- „ TUAN SYED ESA BIN ALWEE, J.M.N., S.M.J., P.I.S. (Batu Pahat Dalam).
- „ DATIN FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N. (Jitra-Padang Terap).

The Honourable DATU GANIE GILONG, P.D.K., J.P. (Sabah).

- „ DR GOH KENG SWEE (Singapore).
- „ ENCHE' HAMZAH BIN ALANG, A.M.N., P.J.K. (Kapar).
- „ ENCHE' HANAFIAH BIN HUSSAIN, A.M.N. (Jerai).
- „ ENCHE' STANLEY HO NYUN KHIU, A.D.K. (Sabah).
- „ ENCHE' HUSSEIN BIN SULAIMAN (Ulu Kelantan).
- „ ENCHE' IBRAHIM BIN ABDUL RAHMAN (Seberang Tengah).
- „ ENCHE' ISMAIL BIN IDRIS (Penang Selatan).
- „ DATO' SYED JA'AFAR BIN HASAN ALBAR, P.M.N. (Johor Tenggara).
- „ ENCHE' JEK YEUN THONG (Singapore).
- „ ENCHE' KHOO PENG LOONG (Sarawak).
- „ DATU KHOO SIAK CHIEW, P.D.K. (Sabah).
- „ ENCHE' KOW KEE SENG (Singapore).
- „ ENCHE' AMADEUS MATHEW LEONG, A.D.K., J.P. (Sabah).
- „ DATO' LING BENG SIEW, P.N.B.S. (Sarawak).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ ENCHE' LIM HUAN BOON (Singapore).
- „ ENCHE' LIM KEAN SIEW (Dato Kramat).
- „ DATO' LIM KIM SAN, D.U.T., J.M.K., D.J.M.K. (Singapore).
- „ ENCHE' LIM PEE HUNG, P.J.K. (Alor Star).
- „ ENCHE' JOSEPH DAVID MANJAJI (Sabah).
- „ ENCHE' MOHD. ARIF SALLEH, A.D.K. (Sabah).
- „ ENCHE' MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, P.M.K. (Pasir Puteh).
- „ ENCHE' ONG PANG BOON (Singapore).
- „ ENCHE' OTHMAN BIN WOK (Singapore).
- „ ENCHE' QUEK KAI DONG, J.P. (Seremban Timor).
- „ ENCHE' S. P. SEENIVASAGAM (Menglembu).
- „ ENCHE' SIOW LOONG HIN, P.J.K. (Seremban Barat).
- „ ENCHE' SNAWI BIN ISMAIL, P.J.K. (Seberang Selatan).
- „ DATU DONALD ALOYSIUS STEPHENS, P.D.K. (Sabah).
- „ PENGIRAN TAHIR PETRA (Sabah).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Batu).
- „ ENCHE' TAN CHENG BEE, J.P. (Bagan).
- „ ENCHE' TAN KEE GAK (Bandar Melaka).
- „ DR TOH CHIN CHYE (Singapore).
- „ ENCHE' TOH THEAM HOCK (Kampar).
- „ ENCHE' WEE TOON BOON (Singapore).
- „ ENCHE' YEH PAO TZE (Sabah).
- „ ENCHE' STEPHEN YONG KUET TZE (Sarawak).

PRAYERS

(Mr Speaker in the Chair)

BILL PRESENTED

THE LOCAL GOVERNMENT ELECTIONS (AMENDMENT) BILL

Bill to amend the Local Government Elections Act, 1960; presented by the Minister of Health; read the first time, to be read a second time at a subsequent sitting of this House.

BILL

THE SUPPLY BILL, 1965

Order read for resumed consideration in Committee of Supply (Eighth Allotted Day).

House immediately resolved itself into Committee of Supply.

(Mr Speaker in the Chair)

SCHEDULE

Head S. 17—

Enche' Abu Bakar bin Hamzah (Bachok): Tuan Pengerusi, dengan izin tuan, saya menchampori perbahathan atas perbekalan untuk pertahanan. Tuan Pengerusi, pada dasar-nya memang-lah saya dan parti saya menyokong kuat di-atas permintaan untuk perbekalan Kementerian Pertahanan ini. Sa-malam saya sudah lebeh terima kaseh, kalau sa-kira-nya Kerajaan sudah dapat menguntokkan lebeh banyak lagi peruntokan itu, dan saya perchaya dengan angka ini Yang Berhormat Menteri kita akan meminta tambahan lagi daripada Dewan ini. Tuan Pengerusi, sa-belum daripada saya berchakap mengenai masaalah ini mengikut butir² daripada yang dahulu di-dahulukan dan yang kemudian di-kemudiankan, lebeh dahulu saya minta mengemukakan fahaman saya terhadap dasar pertahanan kita dengan ringkas sahaja.

Tugas Kerajaan kita apabila dibentok Malaysia ini, kalau kita bahagikan kapada perkara² mustahak, kita dapati ada tiga perkara yang amat mustahak yang saya sendiri tidak dapat hendak menentukan yang mana nombor satu, yang mana nombor dua, dan yang mana nombor tiga, kerana

ketiga² itu penting, ia-itu dari segi dalam negeri kita ia-lah berkenaan dengan Pembangunan dan Perusahaan.

Dalam segi perhubungan kita dengan negeri² luar, saya yakin Menteri yang berkenaan juga berhubung dengan ini, bahawa kita terpaksa-lah menchari persahabatan dengan negeri² lain supaya kita dapat mengimbangkan kedudukan kita pada masa ini. Dan yang ketiga ia-lah perkara di-hadapan kita, Pertahanan Negeri. Tuan Pengerusi, pertahanan negeri kita ini memang, kalau tidak di-dalam zaman konferantasi ini pun, kita mustahak mengadakan peruntokan yang muna-sabah, sebab negeri kita terpaksa mengadakan bermacam² persiapan dengan sa-chara terburu². Ini, Tuan Pengerusi, bukan-lah memandang konferantasi yang ada di-hadapan kita, maka kita tidak juga sa-mata² menyokong Kerajaan, oleh kerana hendak mendapat sa-suatu, kerana ini memang-lah dasar dalam parti saya yang menyuruh bagitu dan juga saya petek daripada firman Tuhan, yang erti-nya "hendak-lah kamu sediakan terhadap mereka itu apa juga terdaya oleh kamu daripada sa-barang kekuatan daripada tentera² kuda yang kamu boleh mengerunkan seteru Allah, dan seteru kamu, dan yang lain² lagi yang kamu tidak tahu".

Tuan Pengerusi, ini-lah yang saya katakan fahaman saya terhadap dasar pertahanan daripada firman Tuhan yang saya menyokong Kerajaan ini, ia-itu di-hadapan kita ada Communism, di-hadapan kita ada imperialism dan di-hadapan kita ada konferantasi.

Tuan Pengerusi, ada satu perkara yang kita tidak patut lupa ia-itu kedudukan Tenggara Asia sekarang ini sa-benar-nya bukan-lah masaalah konferantasi dari Indonesia sa-mata², tetapi itu ada-lah satu perkara yang berlaku di-hadapan mata kita atau pun satu phenomenon daripada gerakan komunisem internasional terhadap negeri ini. Jadi, mahu ta' mahu, sama ada apa chorak-nya sa-kali pun, komunisem yang menyerang kita ini kita terpaksa-lah mengadakan pertahanan kita, tetapi kita hendak-lah ingat bahawa masaalah kekachauan daripada pehak komunis ini bukan-lah

sa-mata² menjadi tanggung-jawab negeri ini, bahkan menjadi tanggung-jawab dunia bebas yang tidak ber-setuju dengan faham kominis. Oleh itu sa-patut-nya negara kita ini boleh di-katakan menjadi tempat di-hadapan sa-kali yang hendak menentang perkembangan faham kominis dan keganasan kominis. Sa-patut-nya negara kita Malaysia ini mendapat pertolongan daripada dunia bebas lebih banyak daripada apa yang ada sekarang ini. Jangan-lah di-jadikan beban mematah-kan kemarakan faham kominis dan keganasan-nya itu sa-mata² tertanggung di-atas negara kita Malaysia sahaja.

Tuan Pengerusi, sa-lain daripada itu, kita juga, dalam pertahanan kita ini, terlibat di-dalam propaganda daripada pihak kominis dan saya rasa bukan-lah sahaja kekerasan senjata hendak kita hadap, tetapi kembang-nya faham kominis itu ka-dalam negara kita. Ini juga menjadi satu masalah dan ini tiada dapat di-tentang dengan senjata, melainkan di-tentang dengan fahaman. Sebab itu-lah saya perchaya kalau-lah per-untokan kita ini kita boleh minta lagi dalam Dewan ini pada masa² akan datang dalam tahun ini, ia-itu sa-lain daripada melengkapkan senjata, melengkapkan jiwa ia-itu 'akidah orang² Malaysia ini dengan pegangan ke-amanan dan batin-nya terhadap faham kominis itu, dan senjata di-dalam dada itu-lah yang akan menggerakkan senjata di-tangan, bukan senjata di-tangan menggerakkan senjata di-dada.

Tuan Pengerusi, dalam ranchangan ini kita mesti ingat juga ia-itu pertahanan kita ini, kalau kita bandingkan dengan masa dharurat dahulu, kita dapati pasokan² yang baharu telah di-wujudkan seperti S.C., Extra Police dan bermacam², tetapi tugas² mereka mengikut pengalaman kita, lebih banyak menjaga keselamatan harta² kapitalis² dan tuan² kebun yang kaya, lebih banyak daripada kita menjaga negara kita sendiri daripada faham kominis itu. Sebab itu-lah kita melawan perkembangan dan keganasan kominis—pada masa itu tidak dapat kita selesaikan dengan singkat, malah memakan masa 10 tahun walau pun tentera Commonwealth menolong kita

dan sahabat² dari dunia barat menolong kita. Ini menunjukkan bahawa dalam pertahanan kita pada kali ini hendak-lah kita berjaga² supaya askar² dan pasokan² bersenjata kita, sama ada yang sudah dan yang akan di-wujudkan, tidak lagi menjadi penjaga² kaum² kapitalis yang berselindung di-sabalek tabir yang di-sebutkan kon-ferantasi.

Tuan Pengerusi, apabila kita datang kepada konferantasi yang di-hadapan kita ini, saya rasa bila kita sebut konferantasi, dapat-lah kita mengata-kan tugas Kementerian Pertahanan ini pada umum-nya hendak mengatasi konferantasi itu walau dengan apa jalan sa-kali pun dan jalan yang pertama yang kita memilih sa-bagai negara kita yang siuman dan tidak biadab ia-lah menchari perdamaian, penyelesaian dan hidup bersama (co-existence) dengan chara berunding. Kalau sa-kira-nya perkara ini tidak dapat di-lakukan, maka jalan yang burok terpaksa kita tempoh, dan saya rasa ini-lah yang di-maksudkan oleh Yang Berhormat Menteri Pertahanan kita dalam sa-hari dua ini yang tersiar dalam surat-khabar bahawa kita akan mempertahankan kedaulatan negara ini walau pun kepada titisan darah yang terakhir. Ini bererti kita bersedia menghadap benda yang burok kepada yang lebih burok lagi.

Tuan Pengerusi, dalam kita menen-tang konferantasi dan kita membuat peruntokan pertahanan ini, masalah yang di-hadapan kita ia-lah masalah Sabah dan Sarawak. Masalah Sabah dan Sarawak ini amat-lah rumit, kerana pada beberapa hari yang lalu saya telah menyatakan dalam Dewan ini bahawa dalam Dewan ini juga ada ahli² yang berani mengatakan bahawa Sabah dan Sarawak itu ia-lah yang di-persengketaan. Ini, Tuan Pengerusi, amat-lah susah hendak kita menghadap konferantasi dari luar kalau sa-kira-nya dari dalam negeri kita sendiri, Ahli Yang Berhormat sendiri berani mengatakan bahawa daerah itu daerah yang di-persengketa-kan. Jadi, erti-nya kedaulatan Malay-sia ka-atas kedua² wilayah itu maseh di-persoalkan lagi. Ini ada-lah satu perkara yang menyebabkan agak-nya

tidak dapat kita menumpukan hati kita terhadap pertahanan ini.

Mr Chairman: Saya suka hendak mengingatkan Ahli Yang Berhormat, tumpukan-lah perchakapan tuan kepada perbahathan ini supaya tidak merewang² sangat.

Enche' Abu Bakar bin Hamzah: Ya, Tuan Pengerusi, saya hendak masuk dalam ini, tetapi saya hendak menggambarkan bagaimana saya hendak mengulas bahagian² itu di-atas latar belakang fahaman saya berkenaan dengan ini. Oleh itu, Tuan Pengerusi, saya rasa di-dalam kita hendak meluaskan lagi pertahanan kita ini, saya mengeshorkan supaya lebih banyak tentera tempatan atau pun bumiputera dari Sabah dan Sarawak itu di-kutip lagi dan di-latih supaya mereka itu dapat mempertahankan tanah ayer mereka sendiri. Saya perchaya, perkara ini tentu-lah menjadi satu benda yang berat dan sukar bagi Kementerian kita dan saya rasa Yang Berhormat Menteri kita pula tentu berfikir dalam perkara ini, tetapi satu perkara yang mudah yang kita hendak mempertahankan Sabah dan Sarawak ia-lah dengan mengadakan development forces ia-itu angkatan bersenjata yang tugas-nya membangunkan negara ia-itu memberantas hutan belantara dan mereka itu boleh membongkarkan tanah di-samping mereka itu berlateh dengan senjata. Dengan demikian gaji² yang kita beri kepada mereka itu bukan sahaja untuk pembangunan tempatan di-situ dan kawasan luar² bandar, tetapi pada waktu itu juga mereka merupakan tentera² yang sudah terlateh.

Tuan Pengerusi, apabila kita memandang kepada besar-nya tugas kita dalam mempertahankan negeri ini daripada serangan konferantasi dan juga daripada permainan² politik daripada negeri² yang mengambil bahagian chergas di-dalam dunia pada masa ini, saya mengeshorkan bahawa Kementerian Pertahanan ini di-pegang oleh sa-orang Menteri yang penoh, erti-nya tidak-lah merangkap sa-bagaimana Timbalan Perdana Menteri kita merangkap sekarang ini. Saya nampak di-sini hanya token vote yang di-beri \$10 sahaja, ia-itu dalam zaman kon-

ferantasi yang bukan kita hendak main², kita hendak berperang kalau mereka serang. Jadi, token vote untuk Menteri itu di-beri \$10

The Deputy Prime Minister (Tun Haji Abdul Razak): Tuan Pengerusi, untok penerangan. Kena tambah gaji Menteri lagi.

Enche' Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Pengerusi, sama ada di-tambah gaji Menteri atau pun di-adakan Menteri yang tetap, saya rasa perkara ini sama sahaja dari segi teknik berlainan, tetapi yang saya hendak ia-lah sa-orang yang bertanggung-jawab betul² yang tidak di-bebankan kedua² sa-kali. Baharu² ini saya nampak Timbalan Perdana Menteri yang juga menjadi Menteri Pertahanan

Enche' Ali bin Haji Ahmad (Pontian Selatan): Tuan Pengerusi, saya minta penjelasan kerana Ahli Yang Berhormat itu mengatakan sa-olah² Menteri Pertahanan yang ada ini tidak bertanggung-jawab betul². Jadi, saya minta penjelasan, ada-kah yang dimaksudkan-nya Menteri Pertahanan sekarang ini tidak bertanggung-jawab betul² atau bagaimana?

Enche' Abu Bakar bin Hamzah: Tidak macham itu (*Ketawa*). Yang saya maksudkan ia-lah bila merangkap, erti-nya Menteri kita itu ada dua kepala hendak memikirkannya dan berkachau², kerana berfikir, botak kepala, susah-lah sangat hendak menyelesaikan perkara ini. Jadi, baharu² ini kita telah bebaskan Timbalan Perdana Menteri kita pergi keluar negeri menchari persahabatan, merintis jalan untok politik international dan balek hendak menghadapi konferantasi dan pertahanan—itu yang saya maksudkan. Malah kalau boleh-nya saya mengeshorkan bahawa Menteri Pertahanan ini hendak-lah sa-orang askar ia-itu sa-orang soldier daripada General yang ada ini supaya mudah kerja² perang ini daripada orang² civil memikirkkan sejak sangat, dan saya suka orang itu sa-bagai sa-orang askar. Tuan Pengerusi, ini-lah maksud saya bahawa jawatan Menteri Pertahanan ini hendak-lah di-penohkan sa-bagai Menteri yang penoh, tidak merangkap, dan kalau boleh,

biar-lah sa-orang askar yang menjadi Menteri Pertahanan, dan saya rasa Timbalan Perdana Menteri kita akan lebih chergas lagi dalam membuat perhubungan luar negeri bagi merintis jalan ka-arrah menchapai perdamaian dan hidup bersama dalam dunia ini.

Tuan Pengerusi, sa-bagaimana yang saya sebutkan tadi bahawa konferantasi ini ada-lah sa-mata² merupakan satu phenomenon daripada gerakan kominis. Oleh itu fahaman kominis ini hendak-lah di-tentang dengan fahaman juga. Maka bagi negeri kita ber-fahaman ketuhanan hendak-lah kita asaskan pertahanan kita itu di-atas dasar ketuhanan juga. Oleh itu saya shorkan di-dalam muka surat 186, 187 dan 188, Pechahan Kepala (27) Nadzir Ugama, Pechahan Kepala (46), Guru Ugama Batalion (Kanan) dan (62) Guru Ugama (Rendah), hendak-lah orang² ini daripada askar² juga, sama ada dia berpangkat Kaptan atau pun berpangkat Leftenan atau Mejar, dan orang² ini yang menjadi Nadzir Ugama bagi angkatan bersenjata kita di-dalam Malaysia ini, kita tidak mahu sa-takat pak lebai sahaja, sa-kadar hendak menolong memandikan orang mati atau pun mengapankan askar kita yang mati, tetapi kita mahu orang² ini daripada kelulusan degree daripada University dan dia juga sa-bagai soldier, dia akan menambahkan semangat daripada kita memilih pak² lebai dan sa-bagai-nya saperti yang ada sekarang ini.

Enche' Ahmad bin Arshad (Muar Utara): Sa-kira-nya di-tawarkan oleh Kementerian ini kapada Ahli Yang Berhormat itu, sanggup-kah dia menerima jawatan yang di-chakapkan-nya itu?

Enche' Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Pengerusi, saya tidak hendak menjawab-nya. Tetapi untok ma'aluman Menteri Yang Berhormat kita, takut pula saya di-tudoh bachul, saya pernah menghantar surat minta menjadi guru ugama di-Kementerian ini tetapi pada masa itu saya tidak diterima, sebab apa, saya pun tidak tahu (*Ketawa*). Dan sekarang pun, Tuan Pengerusi, kalau Menteri kita mengirim saya pergi berlateh dalam Depôt saya boleh keluar sekarang juga

pergi berlateh dalam dua tiga bulan (*Tepok*).

Jadi, Tuan Pengerusi, bagitu juga di-dalam Pechahan Kepala (36) dan (37) ia-itu Tukang Gambar dan Pemberita. Saya mengeshorkan orang² ini juga terdiri daripada askar² supaya mereka itu dapat menjadi pemberita² yang betul² dapat mengumpulkan bahan²—mengumpulkan peristiwa² yang berlaku dalam satu² pertemporan. Amat-lah susah-nya, Tuan Pengerusi, sa-kira-nya pemberita² yang bukan askar, apabila mereka dengar peluru, maka mereka akan lari dan perkara² yang berlaku tidak dapat mereka menchatitkan dengan sa-benar-nya. Dan kalau saya tidak salah, Perdana Menteri England dahulu, Churchill sa-kali pun sa-bagai askar dan pernah juga menjadi pemberita dalam perang.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan jawatan tentera dan gaji²-nya di-dalam muka 191, Pechahan Kepala (119), (120) dan (122)—Rikerut (\$54.05) kemudian naik sedikit Perebet \$63.60. Jadi ini, Tuan Pengerusi, \$54.05! Orang ini bukan pergi berlateh menjadi guard of honour atau hendak jadi barisan perhiasan, tetapi pergi berperang di-zaman ini.

Sa-patut-nya kalau pun kita tidak dapat mengubah tangga gaji pada basic-nya, saya shorkan rikerut² yang dalam latehan itu dapat makanan dan perbelanjaan perchuma malah dapat kemudahan² yang lain lagi. Kerana apabila kita ishtiharkan kita hendak meluaskan lagi pertahanan kita, pemuda² kita banyak yang hendak masuk menyambut seruan itu, tetapi tangga gaji-nya \$54.05. Apa hal kalau dia ada mempunyai tunang dan bagaimana dia hendak menyediakan perkahwinan-nya dan dia mempunyai tanggong-jawab di-rumah dengan \$54.05 ini? Dan asas gaji sama-lah dengan asas masa yang tidak dharurat dahulu—masa yang tidak konferantasi dahulu. Sedangkan barang sudah naik, gula sudah naik harga, gaji askar kita menyabong nyawa tidak naik—samacham itu juga. Ini saya rasa, Tuan Pengerusi, kalau Menteri Yang Berhormat itu dapat mengadakan dengan jalan yang lain, kalau bukan dengan jalan gaji pun, supaya kemudahan²

itu dapat di-tambah kapada rikerut² itu.

Tuan Pengerusi, meski pun tidak dapat saya menentukan dalam butiran mana di-sini, tetapi dalam bahagian A saya teringat berkenaan dengan senjata. Saya dapat tahu askar² kita maseh menggunakan rifle jenis Mark Three Stars, One Star rifle masa perang dunia yang kedua dahulu. Tuan Pengerusi, amat-lah merbahaya jika kita di-dalam pertemporan gerila, terutama di-waktu malam, kerana senapang itu munchong-nya kechil apabila di-tembak api-nya keluar. Jadi pada waktu malam kita bertempor dengan seteru, tentu mereka boleh menembak kita. Pada hal zaman ini, rifle sa-macham itu sudah tidak di-gunakan lagi, tetapi di-gunakan rifle yang munchong-nya besar, apabila di-tembak, api-nya tidak keluar. Jadi, ini pengalaman saya, Tuan Pengerusi, saya rasa tidak patut-lah kita memberi kapada askar² kita rifle Mark Three, One Star, patut kita tukarkan dengan senjata² yang lain.

Tuan Pengerusi, ini-lah perkara² yang besar yang kena-mengena dengan pertahanan yang saya hendak sebutkan di-dalam bahagian A dan bagitu jugalah di-dalam bahagian B, C, dan D, kalau ada sa-suatu yang sama dengan itu apa yang di-sebutkan dalam A di-sebutkan juga di-dalam A, B, C dan D.

Tuan Pengerusi, di-dalam ucapan mengemukakan dasar pertahanan ini, Yang Berhormat Menteri kita menyebutkan tentang hendak meluaskan lagi Tentera Wataniah. Pada satu masa yang lalu, saya telah membantah di-dalam Dewan ini, barangkali pada masa itu Yang Berhormat Menteri Pertahanan kita tidak ada, yang ada ia-lah Menteri Keselamatan Dalam Negeri—saya hendak berchakap banyak pun, saya tengok dia ada satu macham sadikit! (*Ketawa*). Jadi, dia ta' mahu senyum langsung, Menteri Keselamatan ini! (*Ketawa*). Jadi lain macham pandangan dia pada saya. Jadi saya ta' dapat hendak berchakap pada masa itu. Sekarang Menteri Pertahanan ada di-sini, maka dapat-lah saya kemukakan, ia-itu ta' patut-lah sangat orang² PAS ini di-pandang sepi sahaja dalam

menyertai di-dalam Pasokan Tentera Wataniah ini. Orang² PAS, Tuan Pengerusi, sa-bagaimana yang telah saya chakap di-dalam ucapan saya di-dalam Budget Speech hari itu, ia-itu orang² PAS ini bukan penakut. Dalam politik Perlembagaan pun tiga lawan satu, dia berani, kalau hendak berperang pun saya rasa orang² PAS ini tidak takut, tetapi kerana dia tidak ada peluang yang baik, jadi dia tidak dapat menyertai pertahanan kita.

Keadaan berbangkit dengan satu berita di-dalam surat khabar ia-itu *Berita Harian*, kalau tidak salah saya. ia-itu di-dalam-nya tersebut Tentera Wataniah daripada kaum wanita yang di-ketua² oleh Kaum Ibu UMNO. Saya fikir, Tuan Pengerusi, tidak patut kita mengadakan Tentera Wataniah ini sama ada laki² atau pun wanita di-atas nama parti, sebab tanggung-jawab mempertahankan negara ini ada-lah tanggung national, bukan tanggung-jawab parti. Apa kata pula kalau sa-kira-nya Kaum Ibu UMNO mengadakan Tentera Wataniah untuk pertahanan, dan Front Socialist pula mengadakan Tentera Wataniah untuk pertahanan dengan gerakan yang lebeh hebat—ta' kan-lah orang PAS hendak dudok diam, tengok bagitu sahaja, tentu-lah dia hendak masuk dalam perkara itu. Jadi, Tuan Pengerusi, ini-lah . . .

Wan Abdul Kadir bin Ismail (Kuala Trengganu Utara): Tidak-kah Kaum Ibu UMNO yang menjadi Ketua Pasokan Tentera Wataniah di-Johor itu yang kebetulan pula orang UMNO, bukan dia itu Kaum Ibu UMNO atau Pasokan Tentera Wataniah Ibu UMNO; barangkali saudara saya Ahli Yang Berhormat dari Bachok ini ta' tahu, salah bacha surat khabar—patut pakai chermin mata lain.

Enche' Abu Bakar bin Hamzah: Jadi, saya minta Yang Berhormat Menteri Pertahanan memberikan penerangan itu—saya tidak mahu penerangan daripada back-bencher.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan Tentera Wataniah ini, saya rasa sa-bagaimana yang di-janjikan oleh Kerajaan, jikalau-lah kita dapat membenamkan sentiment² politik ini, saya rasa akan bertambah banyak lagi

orang² kita yang hendak masuk di-dalam Tentera Wataniah ini. Ini berlainan pula dengan perkembangan kita hendak meluaskan sa-bagaimana yang saya katakan sa-bagai Pasokan Development Forces itu—itu yang lain, sebab itu boleh menolong kerja² pembangunan dan mereka itu juga sa-bagai tentera pada satu masa.

Tuan Pengerusi, yang saya hendak kemukakan satu lagi ini, ia-itu di-dalam Pasokan Bersenjata kita di-Malaysia ini, saya tidak pernah dengar ada satu pasukan yang di-namakan *suicide squad* ia-itu tentera yang tidak bukan sahaja dengan niat hendak menahan kemaraan musuh, tetapi mereka juga bersedia berebut² untuk menchari nama di-dalam mempertahankan negara. Jadi, Tuan Pengerusi, sa-lagi kita . . .

Enche' Ali bin Haji Ahmad: Yang di-maksudkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bachok tadi Pasokan Suicide Squad dan suicide erti-nya membunuh diri dan orang yang membunuh diri hukum-nya murtad di-dalam Islam. Ada-kah Ahli yang Berhormat itu menentang ajaran Islam?

Enche' Abu Bakar bin Hamzah: Ma'ana-nya bunuh diri ini bukan-lah dia pergi, dia bunuh diri-nya sendiri, erti-nya dia mengutamakan dia dahulu hendak mati daripada orang lain—itu ma'ana suicide, ada-kah pula tentera kita ini hendak pergi bunuh diri-nya sendiri. Orang lain hendak bunuh orang lain pun, saya marah—ta' kan saya hendak bunuh diri saya sendiri.

Jadi, ini, Tuan Pengerusi, saya yakin kalau-lah ada tentera² yang sa-macam ini di-barisan hadapan kita, saya rasa lagi lebeh kuat semangat kita dan saya shorkan supaya tentera² kita ini di-utamakan daripada orang² PAS masuk di-dalam bahagian ini (*Ketawa*).

Lagi satu perkara, Tuan Pengerusi, tentera² kita, pegawai² tentera kita, kita hantar ka-England dan ada juga saya dengar sa-malam yang di-hantar ka-Peranchis, dan ada yang di-hantar ka-India dan ada yang di-hantar ka-New Zealand, atau pun Pakistan, tetapi saya mengeshorkan supaya

latehan² ini di-adakan di-negeri Algeria, kerana negeri Algeria, atau umat Algeria telah menentang penjajahan Peranchis dengan bersendirian dan mereka itu tentu-lah tahu bagaimana perang gerila. Jadi, dapat-lah kita berdiri di-atas diri kita sendiri di-dalam peperangan gerila ini, kerana saya dapati askar² kita yang ada sekarang ini ia-lah askar² berhias, tetapi kerana semangat mempertahankan negara, mereka ini pergi ka-hutan dengan baju yang style sahaja, dengan di-seterika, dengan chantek. Ini tidak boleh di-dalam masa perang.

Jadi, Tuan Pengerusi, jikalau kita adakan latehan² kita ini di-negeri Algeria, atau di-negeri Masir dan di-kebanyakan negara² Afrika Asia, saya yakin semangat Asia itu akan bertambah lagi lebeh banyak daripada semangat yang kita kirimkan ka-negeri² barat, balek-nya memandang kapada sait baju dan bintang yang chemerlang, sedangkan perjuangan-nya sa-telah kita lihat dalam masa perang Jepun dahulu beberapa banyak Kaptan² dan Ketua² Tentera itu lari, tetapi askar Melayu kita juga yang terkorban di-Singapura, di-Ipoh dan juga di-Sungai Kelantan.

Wan Abdul Kadir bin Ismail: Tuan Pengerusi, ada-kah dia kata tentera² kita tentera berhias, dan ini satu penghinaan kapada tentera² kita. Saya minta di-tarek balek perkataan itu.

Enche' Abu Bakar bin Hamzah: Saya kata baju-nya. Jadi, Tuan Pengerusi, saya sendiri biasa pegang senjata di-waktu saudara saya maseh di-dalam sekolah lagi. Jadi, dia hendak berlawan dengan apa yang dia tidak mengalami—he can't shoot a gun—dia ta' boleh menembak dengan senapang pun, pistol pun dia tidak tahu gunakan (*Ketawa*).

Sa-lain daripada itu, Tuan Pengerusi, kita ada memberi peluang kapada Ahli² Yang Berhormat dalam Dewan ini, bagitu juga orang² yang bukan ahli di-dalam Dewan ini berpeluang pergi ka-luar negeri ia-itu atas nama Lawatan Sambil Belajar.

Saya mengeshorkan juga supaya orang² di-dalam Pasokan Bersenjata juga mendapat peluang supaya mereka

itu dapat melawat depôt² dan tempat² latehan senjata di-negeri² lain supaya mereka itu luas pandangan-nya dan bertambah lebeh semangat lagi di-dalam mempertahankan negara ini.

Jadi, Tuan Pengerusi, di-dalam kesimpulan ini, saya mengeshorkan, malah saya menuntut, supaya diadakan Development Forces, atau pun Angkatan Bersenjata yang tugas-nya membangunkan negara, dan yang kedua, saya menuntut supaya jawatan Menteri Pertahanan itu di-penohkan oleh sa-orang Menteri yang penoh, dan kalau boleh-nya ia-lah di-pegang oleh sa-orang askar, dan yang ketiga di-galakkan lagi fahaman² akidah pertahanan di-kalangan orang² yang berada di-dalam pasokan itu, ia-itu dengan satu jalan kita mengadakan paksaan menyimpan di-tabong haji walau pun satu ringgit.

Jadi, dengan ini terkait-lah bahawa mereka itu sa-lain daripada makan gaji dan mempertahankan negara, mereka merasa bahawa mereka memperjuangkan di-atas dasar dan akidah yang mereka faham.

Tuan Pengerusi, mempertahankan negara dengan tidak bergantung kepada fahaman batin yang kuat, tentera itu akan mudah chabut lari, tetapi kalau dia yakin bahawa perjuangan ini, perjuangan yang bukan sahaja mempertahankan negara, tetapi juga mempertahankan akidah dia sendiri, mereka akan menunggu sa-hingga ka-titisan darah yang akhir. Sekian, Tuan Pengerusi.

Dr Mahathir bin Mohamad (Kota Star Selatan): Tuan Pengerusi, saya tumpang berchakap atas Head S. 17, ia-itu jumlah anggaran bagi Kementerian Pertahanan bagi tahun 1965 ia-lah sa-banyak \$207,261,71. Jumlah ini kalau di-bandingkan dengan tahun 1964 ia-lah chuma sa-suku bahagian sahaja lebeh daripada perbelanjaan bagi tahun 1964. Saya faham ia-itu pada tahun 1965, Menteri Pertahanan akan mengadakan lagi Supply Bill berkenaan dengan Kementerian Pertahanan, tetapi saya fikir berkenaan dengan perkara sa-macham ini, tentu-lah dapat kita membuat anggaran yang lebeh sesuai lagi dengan bahagian

atas peranan yang akan di-ambil oleh Kementerian Pertahanan itu.

Di-sa'at yang genting ini, Kementerian yang lebeh bertanggung-jawab ia-lah Kementerian Pertahanan. Saya perchaya kita boleh membuat anggaran yang lebeh tepat lagi untuk kita membelanjakan pada tahun 1965. Saya faham ia-itu kelebihan anggaran ini sadikit ada-lah oleh kerana perolehan negara kita tidak menchukupi, sunggoh pun kita mengadakan chara² kutipan chukai yang baharu, kita chuma dapat kutipan² chukai sa-banyak 128 million ringgit sahaja. Jadi, saya ingin mengeshorkan di-sini, kalau-lah kita ingin melebehkan lagi perbelanjaan untuk Kementerian Pertahanan dan baharu-lah kita chari jalan mengurangkan perbelanjaan di-dalam Kementerian² lain, yang pada masa ini saya fikir kurang mustahak dan dengan chara² mengurangkan dan menjaga berchermat tentang belanja² yang lain juga kalau boleh, saya ingin mengeshorkan ia-itu kita ada satu lagi chukai yang di-khaskan untuk pertahanan atau pun kita panggil chukai itu chukai pertahanan. Kalau kita berjanji dengan ra'ayat Malaysia, ia-itu chukai itu akan di-berhentikan sa-lepas sahaja kita dapat mengatasi konfrantasi, maka saya yakin dan perchaya tidak ada orang kita di-Tanah Melayu ini yang akan bangun di-sini mengatakan chukai² itu tidak patut di-adakan.

Tuan Pengerusi, satu lagi perkara yang saya suka menyentuh ada-lah berkenaan dengan Pertahanan Malaysia ini, ia-lah tanggung-jawab orang² Malaysia sendiri. Saya faham negara kita ini lemah dan berkehendakkan pertolongan daripada negeri² lain, daripada Britain dan negeri² Commonwealth. Tetapi yang saya kurang puas hati ia-lah sa-masa kita melawan askar² payong terjun di-Labis, dan juga di-masa kita melawan di-Melaka, ada askar² yang bukan askar² dari Malaysia yang mengambil bahagian dan askar² itu di-beri publicity keseluruh dunia, maka keadaan yang sa-macham itu akan memburokkan image Malaysia ini di-negara² yang lain. Kalau-lah negara² Commonwealth dan Britain menolong kita, yang lebeh baik-nya ia-lah supaya negara² ini memberi

wang untuk kita membeli alat² atau pun menyerahkan alat² supaya akan di-gunakan alat² itu untuk mempertahankan negara kita.

Di-Tanah Melayu kita ini, banyak penduduk² yang tidak ada kerja, dan kalau-lah kita recruitkan orang² yang tidak ada kerja ini dan kita gunakan senjata dan alat² yang kita dapat dengan perchuma daripada negara² yang menjadi sahabat kita itu, maka ini akan menjadi image kita lebih elok lagi kepada dunia 'am-nya. Juga, Britain yang berjanji dalam perjanjian mempertahankan Malaysia ini telah berjanji akan menyokong kita selalu, tetapi di-masa kita berperang dengan Indonesia ini, kita dapati sungguh pun ada pertolongan² yang kita dapati daripada Britain, masa ini juga Sharikat² British, seperti Sharikat membuat kapal yang meronda dalam lautan Malaysia, ini dapat keuntungan yang besar. Ini berma'ana dalam masa kechemasan, kita juga mesti memberi keuntungan bukan sahaja kepada sharikat² itu, tetapi juga kepada Great Britain.

Bagaimana saya sebutkan dalam ucapan saya pada mula² kita membahaskan belanjawan bagi tahun ini, angka bilangan atau pun angka belanja Britain sa-lama konfrantasi ini sabanyak 48 million dan ini ada-lah satu angka yang tersangat kecil pada pandangan saya. Saya harap-lah kalau kita mesti ada Anglo-Malayan Defence Treaty, mahu-lah kita selalu invoke Treaty itu, supaya kita dapat lebih banyak lagi pertolongan, dan yang kita dapat ini bukan-lah berupa askar² asing dalam negeri kita, tetapi ia-lah merupakan pemberian alat² senjata dengan perchuma supaya negara kita sendiri akan mengambil peranan yang lebih besar lagi dalam mempertahankan negara kita.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentoh sedikit berkenaan dengan Angkatan Tentera Udara. Tentera Udara kita ini di-modelkan mengikut Tentera Udara British, dan kita menggunakan standard British, saya perchaya standard itu tentu-lah baik dengan kerana kita tahu Tentera Udara British ini ia-lah satu tentera yang terbaik dalam dunia ini. Tetapi saya tidak puas hati ia-lah berkenaan

dengan kesusahan memilih orang yang akan memandu kapal terbang Tentera Udara Malaysia kita. Kata-nya, konon-nya orang² di-Malaysia ini, terutama sa-kali orang Melayu, tidak layak dan tidak ada kebolehan untuk menjadi pemandu kapal terbang.

Kita semua ingin ia-itu standard kita mesti-lah tinggi, kalau tidak boleh lebih tinggi daripada orang² barat, kalau sama tinggi pun baik juga, tetapi kalau-lah dengan kerana kita memegang kuat kepada standard ini, kita akan tidak dapat memenohi jawatan² sabagai pemandu kapal terbang di-dalam angkatan udara kita. Jadi patut-lah kita kaji sa-mula tentang standard ini, ada-kah standard ini begitu mustahak seperti yang di-katakan oleh orang² yang jadi pengarah dalam membena tentera udara kita. Saya ingin memperingatkan Dewan yang bahagia ini berkenaan dengan Perang Dunia Kedua di-mana kita dapati tentera Jepun—tentera udara Jepun telah menewaskan tentera udara British dan juga tentera udara Amerika di-Malaya dan di-Hawaii, tetapi kalau kita ikut standard dan sharat untuk memilih pemandu kapal terbang, maka orang Jepun ini tidak dapat dan tidak layak menjadi pemandu kapal terbang dengan kerana kita tahu kebanyakan orang Jepun ini "short sighted" mereka selalu menggunakan chermin mata. Dan kalau dalam tentera British kalau kita hendak di-pilih menjadi pemandu kapal terbang, kalau kita "short sighted", tentu-lah kita tidak dapat jadi pemandu kapal terbang, dan kalau Jepun mengikut standard ini, maka Jepun tidak akan ada tentera udara mereka dan tidak dapat menewaskan British pada mula² Perang Dunia Kedua.

Lagi satu example yang saya teringat ia-lah berkenaan dengan tentera udara Saudi Arabia pada masa sekarang ini. Saya di-beri tahu ada pemuda² Melayu yang dudok di-sana di-pilih menjadi pemandu kapal terbang jet dan lain² di-dalam Tentera Udara Saudi Arabia. Kalau-lah di-antara sa-bilangan yang kecil orang² Melayu yang ada di-Saudi Arabia ini boleh di-pilih dan layak menjadi pemandu² kapal terbang, saya perchaya di-dalam tanah Malaysia ini di-mana kita ada lebih daripada 3

juta orang² Melayu dan juga 7 juta orang² lain, tentu dapat kita pilih orang yang layak menjadi pemandu kapal terbang.

Saya perchaya ia-itu memandu kapal terbang ini ia-lah perkara yang susah, tetapi benda yang susah boleh jadi senang kalau kita ada keperchayaan kapada diri kita sendiri dan kalau kita chuba.

Sa-belum merdeka, kebanyakan kita tidak perchaya ia-itu orang² Malaysia boleh jadi Menteri istimewa menjadi Perdana Menteri. Sa-belum merdeka kita tidak perchaya orang Malaysia boleh jadi General dan mengarah peperangan moden, dahulu kita tidak perchaya kita boleh menggunakan, atau master engineering technology dan menggunakan segala alat construction dengan chara baharu. Pendek kata, banyak perkara yang kita dahulu fikir tidak dapat kita jalankan, pada masa sekarang ini ia-lah perkara yang biasa sahaja.

Saya perchaya kalau kita ada faith atau keperchayaan kapada diri kita sendiri dan kita menetapkan standard yang sesuai dengan keadaan kita, kita akan mengatasi semua dan mengadakan pemandu² kapal terbang ini akan menjadi perkara yang kechil dan perkara yang biasa sahaja. Dari itu saya shorkan supaya Kerajaan meninggikan lagi bilangan pemandu² Melayu dan lain² bumiputera yang akan menjadi pilot dalam Tentera Udara di-Raja Malaysia. Standard mesti disesuaikan dengan keadaan kita dan galakan mesti di-beri supaya pemuda² kita yang maseh di-bangku sekolah memikirkan tentang menjadi pemandu² kapal terbang kalau kita ingin supaya tentera kita bersemangat kuat. Proportion di-antara rank and file mestilah ada reflection-nya di-dalam bahagian pegawai² yang tertinggi. Terima kaseh.

Mr Chairman: Saya suka hendak mengingatkan kapada Ahli² Yang Berhormat, kalau boleh, pendekkan sedikit perbahathan atas perkara ini, sebab perkara ini mustahak, musuh sudah ada di-pintu, kita tidak habis lagi berchakap. Hak Ahli² Yang Berhormat berchakap saya beri, tetapi pada pukul 5.30 petang ini patut-lah habis perbahathan ini, melainkan kalau hendak

di-bangkang perkara ini dan kalau hendak sokong ada bermacam² jalan boleh sokong, jadi tidak menghabiskan masa Dewan ini. Saya ingatkan sahaja. Sila-lah.

Enche' Tajudin bin Ali (Larut Utara): Tuan Pengerusi, saya tidak hendak berchakap panjang. Tuan Pengerusi, saya menyokong Perbelanjaan Kementerian Pertahanan dan di-samping itu saya mengambil peluang menguchapkan sebanyak² terima kaseh dan saya perchaya semua Ahli Dewan Ra'ayat ini dan juga ra'ayat Malaysia memberi tahniah, terutama-nya kapada Menteri Pertahanan dan juga kakitangan-nya di-atas kejayaan mereka yang chemerlang menentang keganasan Sukarno itu. Suasana negara kita telah menjadi kelam dan muram dengan ada-nya konferantasi ini. Perkara yang sangat mendukachitakan saya, Tuan Pengerusi, saya rasa ini-lah Kementerian yang sangat penting sa-kali pada masa ini memikirkan negara kita di-dalam kechemasan yang amat sangat, kedukachitaan saya itu, Tuan Pengerusi, apabila pada petang sa-malam Perbelanjaan ini di-bentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Pertahanan, saya lihat di-hadapan saya daripada pehak Petir sa-orang pun tidak ada—Perdana Menteri-nya pun tidak ada—SUPP sudah menjadi *soup*, sa-ekor pun tidak ada, Socialist Front tidak ada, P.P.P. pun tidak ada, PAS ada 5 orang. Jadi, kita dengar-lah berdegar² chakap daripada Petir dan daripada Socialist Front hendak mempertahankan negara kita ini, tetapi apa kata mereka itu pada sa'at ini apabila negara kita di-cheroboh oleh pehak Sukarno. Ra'ayat di-luar Dewan ini bertanya²-lah apakah wakil² mereka itu buat dalam masa sa'at yang genting bagini. Jadi saya sangat-lah dukachita memikirkan telatah sa-tengah² parti² Pembangkang itu. Perkara ini bukan-lah satu perkara luar biasa, Tuan Pengerusi, kerana saya telah mengatakan terlebih dahulu ta'at setia sa-tengah daripada sa-tengah orang kita termasuk sa-tengah daripada sa-tengah Ahli Dewan Ra'ayat ini sangat-lah mendukachitakan.

Tuan Pengerusi, sekarang saya hendak berchakap berkenaan dengan peluru di-muka surat 204, Pechahan Kepala 28. Saya teringat di-sini, Tuan,

chuma satu perbelanjaan yang kechil sahaja ia-itu \$300,000 lebeh diperuntukkan untuk peluru daripada perbelanjaan tahun dahulu. Saya teringat harga sa-butir peluru shell \$100 lebeh.

Jadi dengan perbelanjaan bagini saya kirakan kita chuma boleh beli lebeh kurang 4,000 biji shell sahaja untuk 24 jam kita menembak Soekarno, habis. Saya di-sini mengeshorkan, Tuan Pengerusi, memandangkan kapada suasana yang genting ini dan memandangkan begitu hebat-nya kilang² yang di-bena dalam Malaysia ini, mengapa tidak Kerajaan mempelawa, umpama, Jepun, England atau pun mana² negara datang membuat peluru di-sini, kita senapang-nya sudah ada, meriam-nya ada, kapal terbang pun sudah ada, semua sudah ada, tetapi peluru kurang.

Lagi satu, Tuan Pengerusi, Jepun datang di-sini, mena'alok kita sa-lama tiga tahun lapan bulan tidak sampai sa-tahun mereka telah chuba membuat peluru di-sini, tetapi tidak baik, tetapi perchubaaan-nya sudah ada—boleh pakai, tembak orang tentu mati. Tuan Pengerusi, oleh yang demikian saya berpendapat pergaduhan negara kita ini akan berpanjangan, barangkali habis sahaja pergaduhan kita dengan Soekarno, satu anchaman yang lebeh hebat lagi akan datang daripada Kominis International, ini-lah kita mesti buat persiapan besar².

Tuan Pengerusi, S. 17, muka 205, Butiran (38)—Perkhidmatan Rahsia. Ini pun saya sangat dukachita melihat perbekalan ini bukan-nya di-tambah bahkan di-kurangkan. Saya berpendapat, Tuan Pengerusi, ini-lah satu bahagian Kementerian Pertahanan—satu bahagian—satu jurusan yang sangat² penting sa-kali. Di-sini saya teringat, Tuan Pengerusi, hampir² beratus askar² Soekarno kita telah tawan, dan sa-orang dua saya dengar telah pun di-bawa ka-Mahkamah Tinggi barangkali juga di-hukum gantong. Saya ingat, Tuan Pengerusi, orang² ini sudah datang, kebanyakan daripada mereka itu telah pun di-berikan propaganda yang tidak betul berkenaan dengan penyerangan mereka itu ka-tanah ayer kita ini. Umpama-nya macham ucapan yang di-buat oleh

Leftenan Muda Sotikno dengan rengkas saya suka-lah mengeshorkan di-sini, Tuan Pengerusi, supaya pehak yang berkenaan meneliti orang² ini bersungguh² dan sa-tengah daripada sa-tengah-nya baik, saya rasa, Tuan Pengerusi, boleh-lah kita hantar balek apabila kita layani mereka itu bersungguh², tetapi kita jangan hantar ka-negeri Jawa, kita hantar ka-Sumatera atau pun ka-tempat² lain yang di-fikirkan baik dan berfaedah oleh pakar² kita. Saya tidak mendalami perkara ini kerana perkara ini rahsia. Tidak ada faedah-nya, saya berpendapat, Tuan Pengerusi, kita gantong orang² ini kerana orang² ini sudah pun di-perdayai oleh Soekarno.

Dalam perkara ini, Tuan Pengerusi, saya teringat-lah betapa baik-nya peranan orang² terutama-nya di-tepi pantai, lebeh² lagi nelayan², menolong pasokan tentera kita. Saya ingat, Tuan Pengerusi, tidak-kah boleh Kerajaan berfikir supaya sa-tengah daripada sa-tengah nelayan itu kita sokongi bersungguh² dengan memberikan perahu atau pun moto jentera yang baik supaya mereka dapat menolong kita lebeh chergas dan lebeh baik lagi.

Akhir-nya, Tuan Pengerusi, teringat saya ucapan Yang Amat Berhormat Menteri Pertahanan petang sa-malam ia-itu berkenaan dengan elaun yang diberi lebeh baik lagi kapada tentera² kita yang berkhidmat di-Sabah dan Sarawak. Ini saya ucapkan berbanyak² terima kaseh kapada pehak Kementerian dan mengeshorkan oleh sebab askar² kita di-Malaya ini juga bertempur dan menghadapi musuh yang ketat, saya shorkan kapada pehak Kementerian membuat penyiasatan, tidak-kah orang² kita ini patut di-beri elaun yang lebeh, saya shorkan beri lebeh kurang 10% supaya dan tambahan sedikit, memikirkan belanja sara hidup dalam negara kita ini sudah bertambah, Tuan Pengerusi, skian-lah.

Enche' Abdul Samad bin Gul Ahmad Mianji (Pasir Mas Hulu): Saya, bagi pehak PAS, menyokong perbelanjaan pertahanan yang di-bentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Pertahanan Malaysia bagi tahun 1965 dengan kelebihannya \$42.5 juta bagi tahun 1965—lebeh daripada tahun 1964. Tuan

Pengerusi, bagi parti kita—parti PAS—masaalah pertahanan ini adalah masaalah yang penting bagi tiap² negara sama ada negara itu di-dalam suasana aman atau dalam keadaan perang. Sebab itu-lah PAS pernah, dalam Dewan Ra'ayat yang dahulu, menhadangkan kepada pihak Kerajaan supaya mengadakan kilang² membuat senjata sendiri atau sa-kurang²-nya dapat mengeluarkan peluru² dan tidak-lah kita sa-mata² mengharapkan belas ihsan dari negara² lain yang ada kepentingan mereka. Walau bagaimana pun, perbelanjaan pertahanan bagi tahun 1965 ini, amatlah menggumbirakan. Tuan Pengerusi, saya bersama Menteri Pertahanan mengucapkan terima kasih dan bangga atas jasa² yang telah dilakukan oleh pasukan keselamatan kita dalam masa² yang lalu dan dalam masa menghadapi penchorobohan Indonesia baharu² ini. Perajurit² kita telah menunjukkan kehandalan-nya yang luar biasa melawan pasukan Indonesia.

Tetapi, Tuan Pengerusi, dalam masa pendaratan di-Pontian dan penggugoran di-Labis, apa yang saya tahu, pasukan keselamatan daripada Malaysia ini-lah yang menentang pencherobohan daripada Indonesia itu. Tetapi dalam akhbar² apabila pihak² pencheroboh itu di-bawa ka-bandar, maka yang mengawal askar² Indonesia itu ia-lah terdiri daripada askar² kulit puteh, sa-olah² mereka ini-lah yang bertanggung-jawab mematahkan serangan orang² Indonesia ini dan sudah tentu gambar² ini akan di-tunjukkan diserata dunia dan akan berchakap-lah orang² England bagaimana askar² British itu mempertahankan Malaysia ini sa-olah² menidakkan langsung jasa askar² kita sendiri.

Tuan Pengerusi, PAS menyambut baik dan mengalu²kan perishtiهران Kerajaan oleh Yang Berhormat Menteri Pertahanan yang Kerajaan telah bersetuju hendak membayar elaun kepada perajurit² kita yang berkhidmat di-Sabah dan Sarawak dan apa yang saya tahu pembayaran itu akan di-bayar mulai pada 12-11-1964. Saya hanya mahu tahu, apa-kah hal-nya dengan pasukan² keselamatan kita yang sudah pun berkhidmat lebih dahulu daripada

tarikh ini dan sudah pun pulang ka-tanah ayer. Kalau-lah kapada mereka itu tidak di-bayar elaun, saya memohon kepada Menteri Yang Berhormat dengan ihsan-nya, walau pun mereka itu sudah pun pulang ka-tanah ayer, patut-lah di-bayar elaun kerana mereka sudah berkhidmat di-Sabah dan Sarawak.

Tuan Pengerusi, dalam negara kita sedang menghadapi konfrantasi ini, hendak-nya jangan-lah ada rasa tidak puas hati di-kalangan perajurit² kita yang sedang bermatian² mempertahankan tanah ayer ini. Memang benar, kita tidak dapat memuaskan atau menyempurnakan semua sa-kali kehendak dengan sa-kali gus, tetapi kalau kita sendiri sudah pun menyempurnakan kehendak² itu, kalau timbul rasa tidak puas hati, tidak-lah boleh kita di-persalahkan.

Mithal-nya, Tuan Pengerusi, masaalah ration, ration kapada pasukan keselamatan kita maseh ada perbezaan antara anak negeri ini dengan pegawai² dagang daripada askar upahan—daripada kulit puteh. Perajurit² daripada anak negeri mendapat chatuan makanan yang berharga \$1.95 sa-hari sedangkan askar² kulit puteh mendapat \$4.50 sa-hari, kalau saya salah, boleh di-betulkan.

Ini-lah masaalah-nya, Tuan Pengerusi, perbezaan yang amat jauh membuatkan perajurit kita itu terasa yang mereka itu di-beza²kan dengan askar² bangsa penjajah.

Tuan Pengerusi, kita di-dalam negara kita yang sudah merdeka, sa-patut-nya anak negeri ini-lah yang mendapat keutamaan dan layanan yang istimewa, atau sa-imbang dengan kerja² yang dilakukan oleh anak negeri ini. Apa-tah lagi jikalau kita berchakap di-dalam masaalah gaji seperti yang di-chakapkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bachok, gaji askar² kita ia-lah \$63.60, COLA \$6.60—semua sa-kali \$70.20 bagi private, Lance Corporal \$71.20, COLA \$7.10 jumlah semua \$78.30 dan Corporal \$89.80, COLA \$8.60 jumlah semua \$98.40. Ini bagi enam bulan yang pertama, enam bulan yang kedua sa-orang private mendapat gaji sa-banyak \$67.00 dan sa-orang corporal mendapat gaji sa-banyak \$92. Dalam masa 18 bulan, sa-orang private baharu

mendapat gaji sa-banyak \$74.00 dan sa-telah berkhidmat lebeh daripada 18 bulan, baharu-lah mendapat sa-banyak \$78.00 itu dan sa-telah berkhidmat salama 3 tahun, baharu-lah sa-orang private itu mendapat sa-banyak \$83.35. Ini satu benda yang saya perchaya pehak Kementerian ini akan memikirkan, akan menambahkan gaji² ini, dan saya mengharap—saya tidaklah ada satu chadangan yang konkeret, sa-banyak mana yang hendak di-naikkan gaji² askar kita ini, tetapi sa-patutnya pehak Kementerian ini sendiri-lah yang menentukan sa-banyak mana, sedangkan gaji² Pasokan Keselamatan daripada polis telah pun di-naikkan dan sa-patut-nya-lah Pasokan² Askar kita di-naikkan.

Tuan Pengerusi, dalam masaalah ini tidak ada kita menguchapkan terima kaseh banyak² kapada Menteri Keselamatan kita dengan menghadihkan bintang² besi dan tembaga, menyematkan di-dada mereka, kerana ini semua tidak akan dapat mengenyangkan perut mereka dan anak isteri mereka, hanya menambahkan berat bagi mereka berjalan. Tidak ada guna sa-telah mereka itu berkorban di-dalam pertemporan, baharu-lah pehak Kerajaan mahu menghadihkan \$3.000 kapada keluarga si-mati, tetapi bila dia hidup, maseh boleh berjuang, mendapat gaji sa-banyak \$63.60 satu bulan.

Tuan Pengerusi, ada lagi beberapa perkara yang patut pehak Kementerian ini membetulkan lebeh dahulu supaya tidak ada rasa tidak puas hati dikalangan perajurit² kita. Saya bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat dari Alor Star, dan masaalah ini di-chakapkan di-dalam policy speech oleh Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh—masaalah pertahanan negara kita ini mesti-lah di-tanggong oleh anak negeri kita sendiri, kerana kita tahu, dan kita tidak boleh mengharapkan kapada askar² upahan yang lain, sa-patut-nya. Mithal-nya baharu² ini, Tuan Pengerusi, lawatan yang di-buat oleh Yang Amat Berhormat Tunku Perdana Menteri ka-Amerika telah berjaya mendapat bantuan² daripada Kerajaan United States dan baharu² ini pula datang perwakilan daripada tentera Amerika membinchangkan perkara² yang hendak di-beri bantuan kapada Kerajaan

Malaysia ini, tetapi apa yang kita mendapat tahu bahawa bantuan itu berupa hutang dengan sa-chara bayaran yang beransor².

Tuan Pengerusi, apa yang kita harap, kita tidak mahu Malaysia ini menjadi saperti India. Sa-belum India di-serang oleh China, China Komunis, semua negara² bebas, atau pun negara Amerika ini mendiamkan diri-nya. Sa-telah kedaulatan India ini di-chabul, sa-telah beribu² batu negeri India ini telah di-perintah oleh askar² Communist China, baharu-lah Amerika ini berlari² hendak menolong India. Kita tidak mahu terjadi-nya sa-telah bumi Malaysia ini di-chabul dan didudoki oleh tentera² musuh, baharu-lah susah negara² bebas hendak membantu. Apa yang kita mahu, Tuan Pengerusi, dari sekarang, kalau satu masa dahulu pernah Amerika membantu Indonesia dengan lebeh daripada \$70 juta bantuan yang di-beri oleh Kerajaan Amerika kapada Indonesia, mengapa kapada Malaysia ini tidak boleh di-beri begitu? Ini masaalah-nya. Kita tidak mahu orang daripada Amerika, kita mahu duit dan senjata daripada Amerika kalau betul² Amerika mahu Malaysia ini menjadi kubu mempertahankan demokrasi, atau pun kubu mempertahankan komunis.

Bagitu juga, Tuan Pengerusi, di-dalari masaalah tentera² Commonwealth. Oleh kerana sekarang, ini, negeri kita kekurangan di-dalam pertahanan, kita mengharapkan tentera² Commonwealth datang membantu kita, tetapi di-dalam sa-panjang masa ini, hanya tentera² Commonwealth yang terdiri daripada New Zealand, Australia dan Inggeris sahaja yang membantu kita. Saya tidak tahu sama ada negara² lain itu tidak boleh, atau pun tidak mahu datang. Ini saya minta kapada pehak Kementerian ini, kalau boleh, mengapa kita tidak memanggil bantuan, atau kita tidak meminta bantuan daripada tentera² Commonwealth yang lain sa-lain daripada tiga negara ini, saperti India, Pakistan atau negara² Commonwealth yang lain. Ini saya fikir lebeh baik, kalau betul² mahu membantu.

Perkara yang lain, Tuan Pengerusi, system quota yang di-buat oleh General Templer ia-itu 40 Melayu,

40 China dan 20 India itu maseh di-amalkan lagi di-tanah Malaysia ini. System ini pernah di-lakukan dan kita meminta, kalau ada lagi benda ini maseh di-lakukan, hendak-lah di-hapuskan. Saya memikirkan masaalah pertahanan Malaysia ini, Tuan Pengerusi, anak² Melayu-lah yang lebeh dan wajib di-utamakan oleh Kerajaan, atau pun oleh Kementerian ini.

Yang kedua, memberi jawatan² penting di-dalam tentera kepada orang² yang kita maseh sangsi keta'atan-nya. Ini saya harap, pehak Yang Berhormat Menteri dapat memikirkan dengan sa-dalam²-nya supaya jawatan penting di-dalam tentera ini di-beri kepada orang² yang betul² sudah di-tapis dan sudah pun kita tahu keta'atan-nya kepada negeri ini.

Tuan Pengerusi, sa-lain daripada itu saperti juga Yang Berhormat dari kawasan² yang lain, tentang jimat chermat di-dalam membelanjakan wang pertahanan ini baik-lah di-lakukan, saperti alat pendingin yang ada di-dalam kapal² peronda kita, Saya per-chaya benda ini boleh jadi mustahak dan boleh jadi tidak mustahak, dan kalau sudah tidak mustahak—itu lebeh daripada mustahak, maka tidak-lah patut alat pendingin ini di-adakan di-kapal² peronda itu.

Tuan Pengerusi, ini-lah benda² yang saya dapat sampaikan kepada pehak Kementerian ini, dan saya harap pehak Kementerian ini dapat menimbangkan rayuan² ini, dan pada akhir-nya PAS menyokong belanjawan bagi pertahanan ini bagi tahun 1965. Terima kaseh.

Datin Fatimah binti Haji Abdul Majid (Johor Bahru Timor): Tuan Pengerusi, saya bangun ada-lah meng-alu²kan estimate belanjawan bagi Kementerian Pertahanan yang telah di-bentangkan untuk mendapat kelulusan Dewan ini. Kami mengambil peluang ini memberikan sa-penoh² sokongan mengenai pada wang per-untukan itu manakala kita memandang negara kita pada masa ini sedang ter-ancham yang makin sa-hari bukan-nya sa-makin kurang, bahkan makin bertambah. Dengan itu patut-lah pehak Kementerian ini menggunakan wang untuk menguatkan lagi pertahanan negara kita.

Di-samping itu saya ingin mengambil peluang berchakap hanya dalam satu perkara sahaja untuk menjimatkan masa sa-bagai memberi peluang pula kepada rakan² kami yang lain. Tuan Pengerusi, di-dalam S. 17, muka 205, ia-itu di-dalam perkara Perbelanjaan Khas. Kami merayu kepada pehak Kementerian yang berkenaan supaya mengadakan peruntukan bagi Tentera Wataniah Wanita Malaysia, kerana, Tuan Pengerusi, kita telah dengar suara dari kaum wanita bergema di-merata negeri, khas-nya daripada orang UMNO dan tidak terdapat suara dari Wanita PAS, telah menawarkan tenaga dan jiwa mereka untuk mempertahankan kedaulatan dan kemerdekaan negara-nya. Malang-nya Kerajaan tidak meng-hiraukan langsung suara mereka menyokong Kerajaan. Maseh pada fikiran Kerajaan agak-nya belum tiba masa-nya, tetapi sekarang dengan ada-nya pendaratan yang di-lakukan oleh musuh di-negara kita, tidak kurang juga jumlah kaum wanita yang telah memberi kerjasama mereka. Walau sa-chara menyampaikan ma'alumat sahaja kaum wanita boleh juga di-anggap sa-bagai satu sumbangan yang berharga. Dengan kerana itu kami berharap Kerajaan akan segera mem-berikan peluang Tentera Wanita supaya chita² mereka menjaga tanah ayer-nya dapat di-salorkan melalui saluran yang kena pada masa dan tempat-nya.

Tuan Pengerusi, kalau-lah Suka-relawan Wanita di-Indonesia sanggup menjadi alat kepada pemimpin negara-nya yang gilakan kuasa atau kuda tonggangan kominis di-negara-nya yang dahulu telah berada di-sempadan Borneo, dengan tidak mengira sama ada mereka dapat mengganyang Malaysia atau pun sa-bagai-nya, mereka di-ganyang oleh askar Indonesia itu sendiri. Maka apa salah-nya kami yang ingin menyerahkan jiwa tenaga untuk mempertahankan Malaysia, untuk mempertahankan maruah dan bangsa tanah ayer kami. Dengan sebab itu kami merayu kepada Kementerian Pertahanan supaya mengadakan wang peruntukan bagi meranchangkan per-anan Tentera Wataniah Wanita, sebab dengan tidak ada-nya dari kaum wanita mempelajari atau memasoki latehan

bersenjata, kita bimbang masa-nya telah terlambat kelak apakala Kerajaan memaksa, baharu-lah latehan hendak di-adakan. Sa-belum masa-nya terlambat kami kaum wanita bersediakan payong sa-belum hujan. Kami kaum wanita tidak rela mati dengan tidak berlawan (*Ketawa*).

Tuan Pengerusi, di-seluruh negara ada mempunyai Tentera Wanita, umpama-nya di-Ceylon, di-India, di-Mesir dan di-lain² negara. Kechuali di-Malaysia, belum ada tentera² yang terdiri dari kaum wanita. Sa-kira-nya tentera kaum wanita di tubuhkan di-negara Malaysia ini, maka baharu-lah kekuatan negara ini boleh di-akui.

Tuan Pengerusi, di-samping itu kami juga ingin mengambil peluang menerangkan kepada pihak wakil Bachok, yang mengatakan tentera sukarela kaum wanita di-tubuhkan yang tersiar dalam surat khabar itu ia-lah tentera daripada kaum UMNO, tetapi yang sa-benar-nya bukan-lah kaum wanita itu daripada kaum UMNO, tetapi ada-lah di-anjorkan dari kaum ibu yang ahli²-nya terdiri daripada berbagai² bangsa dan berbagai² parti yang telah bersama mengambil bahagian dalam Tentera Angkatan Sukarela Wanita yang telah di-tubuhkan itu.

Sa-lain daripada itu, Tuan Pengerusi, saya ingin hendak tahu daripada pihak Kementerian apa-kah langkah² yang sudah di-ambil oleh Menteri yang berkenaan bagi mengadakan latehan² bagi menghadapi serangan udara dari musuh, dengan ada-nya negara kita di-serangi dan di-hadapi konfrantasi umpama-nya melateh orang² awam apa yang patut di-buat kalau tiba sa-suatu serangan itu, dan juga membuat rumah² perlindungan, sa-kira-nya belum ada kami berharap kepada pihak Kementerian mengadakan pasokan bagi memberi latehan kepada orang² awam dan kepada ra'ayat seluruh-nya. Terima kaseh.

Tuan Haji Othman bin Abdullah (Hilir Perak): Tuan Pengerusi, saya tidak-lah bermaksud hendak berchakap lebeh panjang dari lima minit. Tuan Pengerusi, saya tertarek hati kepada apa yang telah di-sebutkan

oleh Yang Berhormat Menteri Pertahanan yang mengemukakan Anggaran Perbelanjaan Pertahanan kita bagi tahun 1965 ini. Memang-lah tidak di-jangka lahir-nya negara Malaysia ini akan menerima perchubaaan saperti yang kita hadapi sekarang. Lahir-nya negara Malaysia saperti-lah juga lahir-nya negara² lain di-dunia ini yang ingin hidup dengan aman, ingin hidup dengan kehidupan sendiri, dan dengan tidak rela di-ganggu oleh sa-siapa pun, tetapi lahir-nya negara kita ini telah di-ganggu oleh orang lain. Gangguan yang di-datangkan oleh Indonesia atau Sukarno kapada kita menyebabkan bertambah Perbelanjaan Pertahanan kita dari sa-tahun ka-sa-tahun. Sa-kali pun Perbelanjaan Pertahanan kita bagi tahun 1965 ini tidak-lah suatu Anggaran Belanjawan yang boleh mempertahankan, andai kata kita ini di-serangi dari semua sudut, tetapi Anggaran Perbelanjaan yang telah di-kemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Pertahanan itu dalam Dewan ini merupakan kecekalan dan kesungguhan hati kita untuk mempertahankan negara kita ini. Walau pun sa-inchi daripada-nya akan kita harapkan tentera Indonesia menjejak bumi yang kita chintai ini.

Tuan Pengerusi, melihat kapada kepentingan negara ini saperti mana sahabat saya mengatakan tadi, maka perlu-lah askar² kita ini di-tambah kekuatan-nya dan penambahan kekuatan itu hendak-lah terdiri daripada orang² yang benar² merasakan dirinya bahawa negeri ini-lah sahaja tempat dia hidup dan tempat dia mati. Saya menyerta apa yang telah di-sebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Star Selatan bahawa kekurangan² pemandu kapal terbang yang terdiri daripada Askar Udara di-Raja kita menyebabkan juga kelemahan² daripada pertahanan kita daripada udara. Maka dengan itu harus pada masa akan datang Menteri Yang Berhormat akan dapat minta perbelanjaan dengan menambah perbelanjaan bagi membesarkan lagi Angkatan Udara kita, dan mereka² yang menjadi pemandu² dan Askar² Tentera Udara itu di-utamakan-lah kapada orang² yang hidup dan mati-nya sa-mata² kerana Malaysia ini.

Satu fikiran baharu yang timbul daripada sahabat saya Yang Berhormat dari Bachok supaya Menteri Pertahanan ini di-tukar orang-nya daripada Menteri yang ada sekarang kepada sa-orang askar atau sa-orang tentera. Saya tidak-lah menyukai dan menyokong pendapat-nya itu. Saya memandang tinggi dan hormat kepada Menteri Pertahanan yang ada sekarang ini dengan kepala-nya yang dingin, dengan perasaan-nya, serta dengan hati dan lapang dada-nya dapat menjaga negeri kita ini dengan sa-chara yang ada di-hadapan kita. Kalau-lah Menteri Pertahanan kita sekarang ini bukan-lah yang ada sekarang boleh jadi negeri kita ini sudah menjadi padang jarak padang tekukor, sebab saya kata begitu sa-orang yang mempunyai hati tentera dan mempunyai kuasa pertahanan payah hendak mengkontrol jiwa-nya seperti-lah juga Yang Berhormat dari Bachok, hari ini kalau di-perintah dia berlateh dia keluar begitu-lah semangat-nya, kalau dia-lah jadi Menteri Pertahanan agaknya hari ini dia jadi Menteri Pertahanan besok perang-lah dunia ini.

Jadi, bagi kita menghendaki sa-orang Menteri Pertahanan yang berkepala dingin, yang berpengalaman luas dan yang berpandang luas didalam menghadapi sengketa kita dengan Indonesia ini, sebab sengketa kita dengan Indonesia bukan-lah dengan orang Indonesia, tetapi dengan Sukarno, Regime Jakarta, dan beberapa ekor yang ada di-Jakarta dan kita tidak memusuhi ra'ayat Indonesia. Sa-bagai contoh walau pun ada di-antara orang Indonesia itu dipersona oleh Sukarno mendarat ka-tanah ayer kita ini dan kita sudah tawan orang itu, kalau di-Indonesia-lah berlaku seperti ini, Tuan Pengerusi, maka tentera kita tidak akan jumpa lagi batang leher-nya, tetapi nasib baik-lah dia mendarat ka-tanah Malaysia dan Menteri Pertahanan-nya sa-orang yang berhati lapang dan berkepala dingin, ta' apa-lah kita tawan dia, beri makan, selimut dan rokok—sampai macham ini! Padahal tentera kita ada yang kena bunoh, tentera kita ada yang telah di-bunoh di-Sabah dan Sarawak sedang sembahyang. Kalau mengikut kata Yang

Berhormat dari Bachok: wa'idu lau mas ta' tadu-un. Dalam Quran kata: Fa'tadu bimithlima' tada 'alaikum—balas macham orang itu buat pada kamu, di-tembak-nya kamu, kamu tembak dia balek, sedang sembahyang kamu di-buru, buru dia walau di-mana.

Tetapi, nasib baik-lah, Tuan Pengerusi, Menteri Pertahanan kita bukan sa-orang yang seperti Yang Berhormat dari Bachok yang mempunyai kepala panas sa-lama-nya, dan bila kepala sudah panas, hati sudah panas, chakap pun tidak tentu—ini susah. Jadi, saya tidak setuju-lah dengan pandangan dia supaya Menteri ini di-tukar, di-tambah atau apa²-kah.

Tuan Pengerusi, ada chakap daripada Ahli Yang Berhormat tadi mengatakan tentera kita sa-benar-nya tentera main sawat tengah padang, erti-nya untuk seronok² barisan kehormatan dan tidak gagah dan lain². Saya tidak mengerti-lah kalau Ahli Yang Berhormat itu menganggap bahawa tentera kita itu sa-bagai tentera penakut, tetapi dalam ucapan-nya juga mengatakan bahawa tentera kita pernah berlawan dengan tentera Jepun, tentera British chabut lari, tentera kita tidak chabut lari. Dalam ucapan-nya mengatakan tentera kita ini tidak begitu gagah dan tidak ada semangat *hara-kiri*. Jadi, saya tidak faham pendirian Ahli Yang Berhormat itu.

Enche' Abdul Samad bin Gul Ahmad Mianji: Bukan askar kita yang jadi perhiasan itu, tetapi askar dari Britain

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Bukan askar kita?

Enche' Abdul Samad bin Gul Ahmad Mianji: askar Britain dibuat perhiasan.

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Tuan Pengerusi, sa-telah mereka ini menyatakan bahawa tentera kita ini tidak gagah dan tidak ada pasokan berani mati, tetapi sa-benar-nya askar kita ini seluroh-nya tentera yang berani mati, tidak ada sa-orang yang tidak berani mati, sudah banyak yang mati dan sudah banyak berkorban, dan dia hendakkan sa-bagai satu tentera yang *hara-kiri* macham Jepun

pegang hand grenade di-tangan lari—dom—mati. Tetapi bukan-kah ini satu ikhtiar yang berlanggar dengan hukum Tuhan, Tuhan kata jangan kamu melimparkan diri kamu dalam keadaan bahaya yang saperti itu, tetapi kalau orang bunoh tidak apalah, tetapi dengan sengaja menjatohkan diri kita ka-dalam keadaan bahaya itu tentu-lah agak-nya di-larang dan mesti-lah di-larang oleh Islam, dan kita tidak mahu sa-orang pun askar kita gugor di-bumi Malaysia ini bukan kerana perjuangan negara dan kita tidak mahu bahawa sa-orang pun askar kita gugor dan mati di-tanah ayer kita ini yang mati-nya itu tidak di-terima oleh Allah. Kita mahu mereka itu sa-bagai shuhada, sa-bagai pahlawan, sa-bagai orang² yang berjuang bukan kerana pangkat, bukan kerana bintang dan bukan kerana gaji, tetapi kerana hak dan kewajipan-nya terhadap negara.

Dalam lawatan saya ka-Sarawak, saya utamakan walau pun dalam programme lawatan itu tidak termasuk melawat askar² kita, saya minta supaya di-adakan satu programme khas untuk menemui askar dan lawatan kami itu di-terima untuk menemui askar² Batalion Keenam di-Sibu dan di-mana² mereka itu berada. Tidak ada satu sungutan yang kita dengar daripada askar itu. Saya tanya kapada mereka itu, Tuan Pengerusi, apa sungutan tuan², kami sa-bagai Ahli Dewan Ra'ayat boleh berchakap, chakap-lah apa yang tuan² hendak chakap. Tidak ada satu patah sungutan yang mereka keluarkan daripada mulut-nya sendiri, tidak puas hati ini atau tidak puas hati itu. Apa yang mereka hendak ia-lah mereka di-hantar ka-barisan hadapan untuk mempertahankan ke-dauletan negara. Ada pun gaji mereka itu ada-lah tugas kita, tugas Kementerian dan tugas Kerajaan ini meninggalkan gaji mereka itu. Mereka sa-bagai askar yang patoh dan ta'at setia yang tidak berbelah bahagi kapada negeri ini soal gaji walau pun sa-bagai manusia biasa mereka memandang gaji itu lebeh besar, tetapi bila berada di-barisan hadapan soal gaji ada-lah soal yang nombor dua, yang pertama ia-lah soal hidup atau soal mati.

Tuan Pengerusi, merendahkan darjat askar kita ini mengadakan dia itu hanya askar yang bersait (sight), masuk hutan pun bersait. Saya tidak nampak

Enche' Abu Bakar bin Hamzah: Saya tidak menyebut askar kita begitu. Saya menyebut tempat latehan itu di-Eropah yang mementingkan pakaian. Kita ubah kapada semangat Asia. Jadi, macham mana dia putar-belitkan itu.

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Tuan Pengerusi, saya tidak tahu, dia putar-belit atau saya yang putar-belit, tetapi kalau telinga saya tidak menipu saya itu-lah chakap-nya, dia kata askar kita ini masuk hutan pun bersait dan berbaju bagus. Dia tidak tengok bagaimana askar kita di-Sabah dan Sarawak agak-nya. Baharu² ini Ahli Yang Berhormat itu pergi melawat ka-Sabah dia tidak pergi menengok askar agak-nya

Enche' Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Pengerusi, untuk penerangan. Saya pergi ka-Sabah ada sungutan daripada orang itu.

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Tuan Pengerusi, dia mesti minta kebenaran dahulu baharu dia boleh berchakap. Tuan Pengerusi, ta' usah-lah sampai macham itu kita hendak jatohkan askar kita. Kalau hendak tahu mereka bersemangat atau tidak, chuba-lah bersama² dengan mereka.

Tuan Pengerusi, saya merasa megah dengan askar kita yang ada pada hari ini. Saya pergi melawat di-tempat² di-mana di-tempatkan sa-bagai sa-orang askar saya tidak tahu dia ini pangkat apa; dalam lawatan saya baharu² ini, saya tidak tahu dia pangkat apa, Tuan Pengerusi. Sebab di-antara dia dengan askar yang lain sa-rupa sahaja pakaian-nya, baju-nya habis dengan lumpor² dan basah kuyup. Saya tanya dia apa pangkat-nya, dia kata dia sa-orang Leftenan. Sampai macham itu kedudukan askar kita di-barisan hadapan, sa-hingga kita katakan dia melawa juga, tidak-lah 'adil macham itu.

Tetapi pada masa dia berlagak tidak ada dalam masa perang, dia di-mess, dia dudok pakai tai, pakai baju

bersait, berikan-lah peluang itu kepada dia. Tetapi pada masa saperti itu mereka tidak pula takut sait baju-nya itu patah, tetapi mereka berjuang kerana mempertahankan kedaulatan negara kita. Jadi, biar pun pehak PAS atau pehak kita, kita hormati-lah ketinggian semangat mereka. Chuma satu perkara lagi yang mustahak kita berikan kepada askar kita ini ia-itu semangat jihad—semangat jihad perjuangan mereka itu. Askar Melayu, mithal-nya, terdiri daripada orang Melayu daripada yang beragama Islam, ada askar² yang lain saperti Askar Peninjau, umpama-nya, yang beragama Kristian, Buddha atau pun Hindu, biar-lah mereka itu berjuang dengan semangat ugama yang diperchayai mereka. Macham Askar Melayu, biar-lah dia berjuang dengan semangat Islam-nya yang ada dalam jiwa-nya dan dia tidak takut mati. Gugor ugama mereka itu; tentang ini boleh-lah saya menyokong sedikit dengan Ahli Yang Berhormat dari Bachok itu, dia kata jangan-lah pak lebai semua sa-kali jadi guru ugama, itu tidak. Ahli Yang Berhormat itu telah minta menjadi guru tidak lulus—tidak di-terima, tidak di-terima bukan kerana fasal apa agak-nya, saya tidak tahu apa sebab-nya, kerana pak lebai agak-nya.

Jadi, Tuan Pengerusi, askar kita ini sa-lain daripada senjata-nya, sabagai Ahli Yang Berhormat dari Bachok tadi dia kata senjata mark five, one star dia kata jangan pakai. Sebab bila tembak nampak dia punya apa di-hadapan dan kita boleh mati. Tuan Pengerusi, perang ini kalau menembak mesti keluar api walau bagaimana selindong pun mesti keluar api. Saya pun pernah menjadi askar, Tuan Pengerusi, saya tahu sa-hingga begitu penakut-nya Ahli Yang Berhormat dari Bachok, api yang keluar pun tidak nampak. Macham itu semangat-nya, dia kata berani; api yang dia nampak pun dia takut.

Enche' Abu Bakar bin Hamzah: Di-mana dia menjadi askar, tidak ada list dalam Tanah Melayu ini barangkali di-Indonesia.

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Tuan Pengerusi, mengikut Undang²

Standing Orders ini, minta kebenaran daripada saya kalau dia hendak berchakap. Dia tahu berchakap, macham orang tidak mengerti Undang² Peratoran Majlis Meshuarat ini.

Mr Chairman: Tolong minta kebenaran kalau sa-kali lagi Yang Berhormat hendak berchakap.

Enche' Abu Bakar bin Hamzah: Saya minta kebenaran, Tuan Pengerusi.

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Dudok dahulu. Tuan Pengerusi, jadi soal senjata kepada askar kita ini memang lama cherita-nya dan kalau kita tengok askar kita ini senjata-nya yang ada sekarang ini boleh tahan—boleh tahan dan boleh gagah. Ma'ana-nya askar kita ini telah kita persenjatai dengan senjata² yang moden sekarang ini. Dan kita harap senjata² moden yang ada pada hari ini tentu-lah tidak chukup sa-banyak itu, dia akan bertambah. Bila bertambah kalau kita terima fahaman Ahli Yang Berhormat dari Bachok semua sa-kali kita hendak bagi benda yang moden kepada askar kita, peluru berpandu kita beri, sekarang kelam kabut pula dia punya tanah, jalan-nya tidak siap lagi di-Bachok, jadi kelam kabut pula dalam soal pembangunan. Sebab itu-lah kita sekarang ini hendak adjustkan betul² kita punya kewangan. Kita hendak bagaimana pembangunan jangan kita lepaskan, askar² kita mesti mempunyai makanan yang chukup, senjata-nya mesti moden, jalan-nya mesti berjalan, tanah baharu mesti di-buka, hospital mesti di-buat, askar kita jangan mati ta' makan. Jadi ini patut di-timbangkan dan patut pula menjadi fikiran kita. Negeri kita ini pun kalau kita hendak gadaikan, marah pula orang² daripada PAS, hai! Sudah jadi Chiang Kai Shik pula hendak gadaikan negeri. Sedangkan sekarang ini tentera Commonwealth yang ada dalam negeri ini bukan kita bayar walau satu sen habok kata orang Kelantan, satu sen habok kita tidak bayar, yang mem-bayar-nya ia-lah tentera negara mereka itu sendiri. Tetapi Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas Hulu mengatakan tentera ini tentera upah, mana tentera upahan—kita upah orang itu dudok dalam negeri ini.

Enche' Abdul Samad bin Gul Ahmad Mianji: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat ini barangkali boleh pergi hospital pereksa telinga. Saya tidak berchakap bagitu, Tuan Pengerusi, Saya kata tentera Commonwealth ini betul-lah kita tidak bayar tetapi ada-nya orang² kulit putih dalam Malayan Armed Forces, ini tentera upahan.

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Tuan Pengerusi, agak-nya Yang Berhormat itu mental trouble. Jadi, Tuan Pengerusi, tentera upahan yang di-katakan oleh Yang Berhormat daripada Pasir Mas Hulu, ini istilah Indonesia—istilah Soekarno. Jadi, subversive masuk ka-dalam masyarakat kita ini bukan hanya orang itu digunakan terang² daripada pasokan itu, kita kenal dia sa-bagai subversive element, tidak? Tetapi menggunakan ayat orang itu menudoh kita, itu subversive juga ma'ana-nya: kepala kawan ini sudah tidak betul, Tuan Pengerusi. Jadi, tentera Commonwealth dalam negeri kita ini bukan kita bayar satu sen habok pun, kita tidak bayar dan dia di-Tanah Melayu ini pun dengan kehendak kita, kita suroh, baharu dia boleh buat, dia tidak boleh buat apa² yang dia punya suka. Ma'ana-nya dia tidak boleh melakukan sa-suatu gerakan tentera dengan tidak kebenaran Kerajaan kita. Macham mana kita boleh katakan bahawa orang itu tentera upahan dia bekerja untuk melaporkan dan mengurangkan ke-dauletan negara kita ini. Jadi, itu-lah yang mesti di-fahami baik² oleh Ahli² Yang Berhormat kalau dia hendak berchakap sa-kali pun chakap-lah, tetapi memahami bahawa kedudukan askar Commonwealth dalam negeri ini ia-lah dengan persetujuan kita, dengan perjanjian di-antara Kerajaan-nya dengan Kerajaan kita. Tuan Pengerusi, saya sudah berjanji dengan Tuan Pengerusi, saya tidak akan panjang tetapi sedikit sahaja hendak berchakap tetapi akhir-nya panjang juga perchakapan saya, minta ma'af-lah, Tuan Pengerusi.

Pada akhir-nya ucapan saya ini saya menyokong fahaman yang diberikan oleh saudara saya daripada Alor Star Selatan supaya askar² kita ini di-hantarkan berlateh ka-tempat² yang munasabah dan di-ambil askar²

kita itu dan kita tinggalkan syarat² yang di-buat daripada masa penjajahan dahulu. Kalau kita gunakan syarat² itu dia mesti lepas University, lepas degree itu dan degree ini, baharu boleh masok askar payong terjun, mithalnya, atau masok dalam pemandu kapal terbang, maka susah-lah kita hendak mendapat orang² yang saperti itu. Jadi chara untuk memilih pemandu kapal terbang bagi angkatan udara kita ini serta askar² kita, hendak-lah di-longgarkan dan ke-longgaran itu menyebabkan nanti boleh memberi peluang kepada orang² kita, kepada anak² kita, kepada pemuda² kita, berlateh dan masok dalam pertahanan ini.

Tuan Pengerusi, sa-kali lagi saya menguchapkan sa-tinggi² terima kaseh kepada Menteri berkenaan dengan gaji yang telah di-naikkan di-Sabah dan Sarawak dan satu sungutan sahaja daripada askar² itu waktu saya berjumpa dengan mereka itu, kata-nya, "kami berterima kaseh kepada Menteri Pertahanan kerana elauu kami telah di-naikkan sa-lama bertugas di-Sarawak ini, tetapi kalau dapat tolong-lah bayar gaji itu sa-belum menjelang puasa ini", itu-lah sahaja yang di-sampaikan kepada saya dan ber-kewajipan-lah saya amanah itu saya sampaikan kepada Menteri yang berkenaan, terima kaseh.

Dato' Dr Haji Megat Khas (Kuala Kangsar): Tuan Pengerusi, saya menumpang mengambil bahagian yang sedikit dan pendek sahaja di-dalam perbahathan belanjawan Kementerian Pertahanan yang telah pun di-bentangkan oleh Menteri Pertahanan pada petang semalam. Pada dasar-nya saya suka-lah menyentuh ia-itu berkenaan dengan guru² ugama dan wartawan² yang telah di-tugaskan bekerja dengan tentera yang bersenjata, saya berharaplah ia-itu Kerajaan akan menimbang-kan kaki-tangan atau pun orang² yang bertugas sa-macham ini di-jadikan ia-lah satu bahagian daripada tentera yang di-bagi pangkat tentera, kerana dengan yang demikian itu tentu sahaja-lah mereka itu di-pandang tinggi oleh askar² kita sendiri dan mempunyai satu status yang ada-lah memberi peransang kepada askar² juga. Buat kata Ahli Yang Berhormat dari

Bachok tadi, kalau sa-kira-nya guru² ugama di-letakkan bertugas dengan tentera² ini ia-lah daripada orang² macham yang sudah², tok² lebai sahaja, barangkali, status-nya yang kita kehendaki itu tidak dapat di-chapai.

Sa-lain daripada itu, sementara saya menyokong dengan sa-penoh-nya belanjawan yang di-minta oleh Yang Berhormat Menteri Pertahanan sabanyak \$207,621,071 itu, saya juga menarek perhatian Rumah yang ber-bahagia ini kapada muka 204 ia-itu Perbelanjaan Berulang Tiap² Tahun, Kepala 35—Barang² Setor 'Am Bersama yang memakan belanja pada tahun 1965 ini sabanyak \$1,500,000. Jadi, rasa saya, kalau kita pandang pada muka 205 di-bawah bahagian Perbelanjaan Khas, di-situ juga di-dalam Kepala 41 kita tengok ia-itu Barang² Setor 'Am Bersama juga ada-lah di-untokkan \$1,000,000 lagi. Jadi, berma'ana-lah sa-kira-nya kita jumlahkan perbelanjaan, atau pun peruntokan itu, ia-itu peruntokan sabanyak \$2½ juta bagi barang² setor 'am bersama sahaja.

Saya tadi selalu menyebutkan hal apa yang di-ulangi itu, yang di-ucapkan oleh Enche' Lee Kuan Yew, sa-bagai penerangan, sa-bagai ra'ayat yang ta'at setia kepada tanah ayer. Saya berharap Enche' Lee Kuan Yew akan berucap dalam Dewan ini sa-benar²-nya apa yang di-katakan dari mulut-nya, begitu-lah di-hati-nya dan tidak-lah di-luar lain daripada apa yang di-katakan seperti apa yang telah berlaku di-Singapura. Ini-lah sahaja.

Enche' Sim Boon Liang (Sarawak): Mr Chairman, Sir, I have listened to quite a number of Honourable Members who have spoken on Head S. 17 this morning, and I will not repeat what they have said.

Now, I would like to touch on Special Expenditure, on page 205 of the Estimates. Sir, a few months ago, a British Labour Party's spokesman

on defence, Mr Denis Healey, after his visit to South East Asia and the Borneo area, said that one of the most important lessons of war in the Malaysian territories was that more helicopters were needed especially in the Malaysian Borneo. He also said that troops could travel sixty miles an hour by a helicopter as against only a mile a day on the ground in the jungle. A patrol could be flown back to base in a helicopter in five minutes whereas it would take five days to travel on ground. The hit-and-run enemy could be hit much harder if there were more helicopters. Therefore, Sir, I would like to suggest to the Honourable Minister of Defence to try and buy these machines and send them to the Borneo territories to enable our troops to search for the enemies and drive them out of our territories.

Sir, I would like to draw the attention of this House to this—that in a time of emergency when the enemy is preparing to do harm, there is need for all Malaysians, irrespective of race, to unite to protect our country. A united Malaysia, with its ten million people, could ward off any form of aggression from Indonesia though the latter's population is ten times greater than ours.

Sir, I support the estimated expenditure for defence for 1965 which has been introduced by the Honourable Minister of Defence, and I also congratulate him for his ability.

Enche' Mustapha bin Ahmad (Tanah Merah): Tuan Pengerusi, saya suka melihat peruntukan sa-banyak \$207,621,071 bagi Kementerian Pertahanan menimbulkan rasa kebimbangan. Kebimbangan saya, Tuan Pengerusi, bukan-lah angka ini terlampau kecil, bukan-lah angka ini terlampau besar tetapi angka yang sa-banyak ini ada-lah amat kecil di-bandingkan dengan apa yang kita hadapi dengan kontrantasi Indonesia, dengan kekuatan senjata Indonesia, dengan kekuatan manusia Indonesia yang sa-banyak 104 juta itu. Bagi saya, Tuan Pengerusi, saya menhadangkan kepada Menteri yang berkenaan supaya kita melipat-gandakan lagi kekuatan tentera dalam negeri

kita ini, kalau mustahak kita berhentikan semua kemajuan² dan pembangunan yang ada dalam negeri kita. Sebab alasan-nya, Tuan Pengerusi, mempersenjatakan negara bukan-lah berarti kita mendedahkan diri kita untuk berperang tetapi sa-balek-nya dengan memperkuat negara kita itu berm'ana kita menchegeh daripada berperang. Sebab bagi kita untuk menjadi sa-buah negara aggressive, tidak mungkin, sakalian sharat² tidak chukup, sharat geography tidak chukup, sharat psychology tidak chukup, sharat penduduk manusia tidak chukup. Sebab itu kalau-lah hari ini kita memperkuat sunggo² dan mempersenjatakan sunggo² askar dan tentera di-negara kita, ini ada-lah memberi ma'ana dan memberi malu kapada orang lain dan dapat-lah kita menchegeh perang konfrantasi daripada Indonesia itu yang kita tidak tahu berapa lama akan kita hadapi masa depan lagi.

Tuan Pengerusi, pembangunan² lain ada-lah ibarat perhiasan di-dalam rumah kita, saperti jalan raya, jambatan dan pembangunan² lain itu. Kalau negara kita di-ancham kelak, maka perkara itu akan di-elak oleh api peperangan dan tidak ada harga apa² pun. Sebab itu saya meminta dengan sa-berapa segera Menteri yang berkenaan membuat Supplementary Estimate dengan sa-berapa segera-nya, kita akan memberi kekuatan negara kita ini dengan sa-banyak² mungkin.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, mengenai perbelanjaan tentera kita. Sa-bagaimana hari ini, kita tahu Kerajaan terpaksa mengeluarkan wang lebeh daripada \$1 juta tiap² hari untuk menjaga tanah ayer kita daripada subversive dan lain² lagi. Kenyataan, Tuan Pengerusi, perbelanjaan yang begitu banyak harus kita keluarkan ia-lah berada di-tempat Sabah dan Sarawak, tempat² di-luar daripada negara Persekutuan Tanah Melayu. Di-sini nyata-lah, Tuan Pengerusi, kita mesti menerima kebenaran, mahu tidak mahu, akibat daripada pembentukan Malaysia-lah terpaksa kita menghabiskan lebeh daripada \$1 juta tiap² hari. Itu ada-lah kenyataan, sama ada benar atau salah pembentokan Malaysia ini, sama ada datang-nya daripada

pehak PAS, menentang atau tidak, pada mula pembentokan Malaysia itu, ada-lah perkara lain. Right or wrong is my country, salah dan benar itu ada-lah negeri kita. Kita hari ini ada-lah menghadapi Malaysia, kita sedang berada dalam sa-buah negara Malaysia, kita menjaga ayer muka kita sa-bagai negara Malaysia, kami berada dekat Kerajaan menentang segala sa-suatu yang akan mencheroboh negeri kita. Tetapi untuk menenangkan keadaan dan untuk melekaskan, menyelesaikan keadaan itu, sama ada kita akan berperang bersunggo² atau pun akan melanjutkan peperangan lagi, saya chadangkan kapada Menteri yang berkenaan supaya di-Sabah dan Sarawak di-ishtiharkan di-bawah Undang² Tentera yang di-perintah oleh tentera. Kita tentukan kawasan itu supaya benar² chara perektik-nya dapat askar sa-chara langsung, baik dalam pentadbiran atu pun dalam masharakat di-jaga oleh askar. Dengan yang demikian, Tuan Pengerusi, kita dapat menyelesaikan perkara itu dengan sa-chara lekas, sama ada memutuskan perang dengan segera atau pun sa-lama mana peperangan itu harus di-ranchangkan oleh pehak musoh² kita.

Yang ketiga, Tuan Pengerusi, saya chadangkan kapada Menteri yang berkenaan supaya seluruh warga negara yang ada dalam Malaysia di-wajibkan belajar tentera dan latehan tentera daripada umur 18 sampai 28 tahun. Kemudian apabila sampai waktu-nya boleh-lah kita mobilise untuk kita menghadapi peperangan. Sebab di-dalam abad yang kedua puluh ini, Tuan Pengerusi, tenaga active dan tenaga moral tidak akan mungkin dapat mendamaikan negara, tidak dapat kita menyelesaikan perselisihan. Tetapi dengan kekuatan tentera sahaja, Tuan Pengerusi, di-abad ini, manusia hanya mengerti dengan ajaran ini. Oleh itu kalau ada-lah, sama ada kita hari ini dan pehak Kerajaan sudah sanggup untuk menjaga tanah ayer ini, kita adakan wajib tentera kapada semua ra'ayat dan warga negara daripada umur 18 sampai 28 tahun. Dengan jalan itu sahaja-lah, Tuan Pengerusi, saya per-chaya masa depan ayer muka kita

sa-bagai sa-buah negara yang telah merdeka, mungkin, kalau pun, kalau menghadapi ancaman juga, tidak-lah terlampau banyak seperti yang kita hadapi hari ini.

Sekian sahaja, saya menguchapkan berbanyak² terima kasih sa-kira-nya dapat Menteri Pertahanan memperhatikan apa yang saya chadangkan tadi.

Enche' Lee Seck Fun (Tanjong Malim): Mr Chairman, Sir, I wish to say something under the estimates moved by the Deputy Prime Minister, who is also the Minister of Defence, because I think it would not be proper if I do not stand up to congratulate him for the good work that he has done since the time of this confrontation by Indonesia. Our Minister of Defence, immediately after Soekarno started his confrontation policy towards Malaysia, called for the formation of Vigilante Corps, or Pasokan Kawalan, throughout Malaysia. These, as we know, are only the ears and eyes of the Government and they are not armed. Mr Chairman, Sir, as we know, funds are now being raised under the National Defence Fund, and I see that we have very good response towards this Fund; and with the good response that is coming I hope all the ahli² Pasokan Kawalan in the various kampongs, new villages and towns will be given raincoats and torchlights as these are very necessary.

Mr Chairman, Sir, furthermore, talking about our Minister of Defence, our country is very, very lucky to have a Minister of this calibre, who is not only the Minister of Defence but he is also the Minister of Rural Development and Deputy Prime Minister—he holds so many important portfolios in the Government. As soon as the confrontation from Soekarno's Indonesia started he also very farsightedly held discussions with the Commonwealth countries regarding assistance from those countries. I should also take this opportunity to congratulate him also for his recent success in his tour of the African countries while on his way back from London after the conference. Mr Chairman, Sir, these African States consist of about . . .

Mr Chairman: What have the African States got to do with the estimates before us?

Enche' Lee Seck Fun: I am speaking on the Minister.

Mr Chairman: Please try and confine yourself to the subject before the House.

Enche' Lee Seck Fun: I am finishing, Sir. Therefore, I am sure that with the able leadership of our Minister of Defence, who is also the Deputy Prime Minister, Soekarno will never again dream of sending more of his paratroopers to our country.

Tun Haji Abdul Razak: Tuan Pengerusi, pertama sa-kali saya suka menguchap berbanyak terima kasih kepada Ahli² Yang Berhormat yang telah memberi sokongan kepada peruntukan yang di-minta di-bawah S. 17 ini. Saya suka, pertama sa-kali, hendak menjawab pandangan² yang di-datangkan oleh ahli² daripada pehak Persatuan Islam sa-Malaya.

Tuan Pengerusi, saya rasa tidak faham sa-tengah² pandangan yang di-datangkan oleh Ahli² Yang Berhormat daripada pehak Persatuan Islam sa-Malaya. Ada sa-tengah meminta supaya di-jalankan dasar regimentation ia-itu hendak di-adakan tentera pembangunan (development forces), hendak di-kerah orang² supaya masuk jadi tentera, lepas itu hendak suroh buka tanah bena jalan raya dan sa-bagainya. Ka-mana-kah perkara ini akan sampai-nya kalau kita ambil ra'ayat negeri, kerah mereka itu suroh buka tanah? Kapada siapa-kah hendak beri tanah itu kelak? Jadi orang² yang menjalankan pekerjaan ini tentu tidak berasa puas hati, sebab mereka itu terpaksa membuka tanah kerana hendak di-beri kapada orang lain.

Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah baharu ini berchapak meminta di-adakan pemerentahan chara tentera di-Sabah dan Sarawak. Ini bukan perkara yang kecil, bukan perkara yang kita boleh chapak dengan bermain², Tuan Pengerusi. Jadi, saya hairan-lah pandangan² sa-tengah² Ahli Persatuan Islam sa-Malaya ini.

Ahli Yang Berhormat dari Bachok berkata mustahak Menteri Pertahanan

itu ia-lah sa-orang General. Jadi, kalau sa-orang General jadi Menteri Pertahanan itu berma'ana-lah tentera itu akan masok di-bawah Parti Politik. Kita telah membuat dasar ia-itu tentera yang menjaga keamanan mempertahankan tanah ayer kita itu tidak-lah boleh mengambil bahagian dalam politik. Jadi, kalau General yang Ketua Agong Tentera itu jadi Menteri dan sa-bagai Menteri Pertahanan dia bertanggung-jawab kepada semua² Menteri, bertanggung-jawab kepada parti yang memerintah pada masa ini, jadi semua sa-kali tentera nanti dikatakan tentera Perikatan. Jadi bila jadi begitu nanti PAS tentu-lah gadoh, Perikatan gunakan tentera untuk faedah Kerajaan dan untuk faedah parti. Jadi, saya dukachita, Tuan Pengerusi, pandangan² yang samacham ini yang saya nampak tidak begitu bertanggung-jawab dan payah bagi Kerajaan hendak menimbangkan. Jadi, kalau-lah takdir Tuhan—saya harap di-jauhkan oleh Allah subhanahu wataala—Parti PAS memerintah Tanah Melayu ini apa akan jadi negeri kita ini, apa sistem pentadbiran hendak di-buat-nya, sama ada military dictator-kah, regimentation-kah atau pun chara Demokrasi Terpimpin-kah saya pun tidak faham? Jadi, itu-lah chara-nya, Tuan Pengerusi, kalau-lah hendak memberi pandangan² di-atas hal pertahanan yang bagini penting ini saya harap-lah memberi pandangan yang bertanggung-jawab supaya dapat kita bersama² menimbangkan perkara yang bagini mustahak bagi bangsa dan tanah ayer kita dalam masa kita menghadapi konferantasi dan pencherobohan yang di-datangkan oleh Indonesia terhadap kita pada hari ini.

Ahli Yang Berhormat dari Bachok ada memberi pandangan ia-itu patut-lah kita utamakan latehan kepada ra'ayat di-negeri Sabah dan Sarawak untuk menjalankan pertahanan negara kita. Saya suka menerangkan bahawa pada masa ini kita sedang melateh 2 batalion Malaysian Rangers atau Rangers Malaysia yang ahli²-nya ia-lah daripada pendudok dari negeri Sabah dan Sarawak dan tidak lama lagi latehan tentera ini akan siap dan tamat dan boleh-lah mereka itu di-hantar

balek untuk berkhidmat di-Sabah dan Sarawak. Jadi, kita ada-lah mengambil langkah melateh pemuda² dari Sabah dan Sarawak supaya mereka itu bersama² dengan kita di-Malaya ini menjalankan pertahanan negara kita.

Ahli Yang Berhormat dari Bachok juga menyebutkan dan saya dapati ada satu dua Ahli Yang Berhormat yang lain yang mengatakan ia-itu gaji recruit itu sangat rendah—\$54.05. Saya suka menerangkan bahawa sa-lain daripada gaji itu ada-lah faedah² yang lain, umpama-nya, COLA, (Cost of Living Allowance) dan juga faedah² yang lain, dan pada masa ini Kerajaan telah melantek satu jawatan-kuasa untuk menyemak balek sa-mula gaji² rank and file ia-itu dalam tentera kita, dan saya perchaya tidak berapa lama lagi akan dapat di-kemukakan shor² untuk menambah gaji bagi tentera² kita ia-itu rank and file.

Ahli Yang Berhormat dari Bachok juga mengatakan yang pehak Kerajaan ada-lah memandang sipi, kata-nya, kepada ahli² PAS apabila mengambil ahli² Tentera Wataniah. Saya suka menyebutkan di-sini kita tidak membezakan mana² pehak dalam tentera kita dan siapa² juga yang di-fikirkan layak dan mempunyai kebolehan untuk menjadi ahli² tentera, kita terima.

Jadi, dasar kita ia-lah hendak menerima orang² yang kita fikir boleh menjalankan perkhidmatan di-dalam tentera kita.

Ahli Yang Berhormat dari Bachok juga menhadangkan ia-itu askar² kita patut melawat keluar negeri untuk meluaskan pandangan. Saya suka terangkan ini ada-lah di-jalankan pada masa ini, tetapi oleh sebab tentera² kita sebok dengan pekerjaan², maka ta' dapat-lah hendak di-benarkan ramai daripada mereka itu keluar, hanya-lah satu² masa satu dua orang sahaja di-benarkan pergi keluar, sebab kita sekarang ini di-dalam keadaan dharurat. Dan lagi Ahli Yang Berhormat dari Bachok ada menhadangkan ia-itu patut-lah Guru² Ugama, Nazir², di-dalam tentera itu di-ambil daripada ahli² askar sendiri. Jadi, guru² atau

nazir ugama ini ada tugas-nya yang tertentu, ia-itu memberi pelajaran di-dalam lapangan ugama. Jadi kita berkehendakkan orang² yang ada mempunyai pengetahuan di-dalam hal ugama, baharu-lah orang² itu boleh memberi pelajaran dalam lapangan ugama. Kalau kita hendak ambil orang yang tidak ada pengetahuan, jadi tentu-lah ta' boleh orang itu hendak mengajar hal ugama. Jadi, nazir ini bila di-ambil, di-beri taraf dan kedudukan yang sempurna di-dalam pasukan atau batalion di-dalam tentera. Jadi, sungguh pun ta' di-beri pangkat yang tertentu, tetapi ada di-beri kedudukan di-dalam jawatan-nya, kata orang puteh: status yang tertentu di-dalam tentera.

Ahli Yang Berhormat dari Bachok juga mengatakan yang kita maseh menggunakan senapang peperangan dunia yang kedua. Ini, Tuan Pengerusi, sa-kali² tidak benar. Kita sekarang ini ia-itu tentera² kita yang menjalankan gerakan semua sa-kali ada menggunakan senjata yang moden, ia-itu S.L.R. (Self-Loading Rifle) dan hanya-lah Tentera² Tempatan yang menggunakan senjata untuk berlateh yang sa-tengah sahaja sekarang ini maseh lagi memakai rifle yang lama itu, akan tetapi kita telah membeli banyak senapang² yang baharu, dan pehak Australia ada memberi bantuan kepada kita di-dalam hal² senjata ini, dan saya perchaya tidak berapa lama lagi Tentera² Tempatan pun akan di-beri senjata baharu, tetapi tentera biasa (regular) kita semua pakai senjata yang baharu, ia-itu S.L.R. atau Self-Loading Rifle.

Ahli Yang Berhormat dari Larut Utara ada memberi pandangan bahawa peruntokan wang bagi membeli peluru kata-nya sedikit sangat ia-itu \$10 juta sahaja yang di-masokkan dalam Pechahan Kepala 28. Saya suka menyebutkan yang peruntokan ini hanya-lah bagi membeli peluru yang di-gunakan bagi latehan. Wang sa-banyak \$33.3 juta ada-lah di-masokkan dalam Anggaran Pembangunan Tahun 1965 dan wang ini-lah yang akan di-gunakan untuk membeli peluru² dan juga perkakas² yang kita kehendaki.

Ahli Yang Berhormat itu juga ada berkata ia-itu sebab kita berke-

hendakkan peluru² dan perkakas², senjata² dengan banyak-nya, patut-lah kita menimbangkan bagi mengadakan satu kilang bagi membuat senjata² dan juga peluru² itu di-negara kita ini. Yang sa-benar-nya perkara ini ada-lah di-dalam timbangan pehak Kementeriaan dan ada pehak² yang telah mengatakan yang mereka itu suka hendak mengadakan kilang untuk membuat peluru² dan juga senjata², akan tetapi kilang ini ada-lah memakan belanja yang banyak dan jikalau peluru² dan juga perkakas² dan alat² ini ta' dapat di-jual dengan banyak-nya, tentu-lah barangkali kilang ini tidak boleh mendapat untung. Jadi, perkara ini ada-lah di-dalam timbangan. Saya harap kalau dapat persetujuan dapat-lah di-adakan kilang ini, tetapi ini bukan-lah pehak Kerajaan untuk mengadakan bagi pehak yang mana suka hendak menjalankan perusahaan ini, dan Kerajaan boleh-lah membeli peluru² itu.

Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas Hulu ada menyebut berkenaan dengan chatuan, atau ration, yang di-beri kepada tentera², ia-itu ration yang di-beri kepada tentera² kita berlainan daripada ration yang di-beri kepada tentera British. Ration yang di-beri kepada tentera² Commonwealth, atau British itu ada-lah di-bayar oleh Kerajaan British, atau Kerajaan Commonwealth—bukan-lah kita bayar. Jadi, ration yang di-beri kepada tentera itu ada-lah menurut kehendak dan juga chara kehidupan satu² bangsa. Ration yang di-beri kepada tentera² kita itu ia-lah barang² makanan yang kita biasa makan. Ration yang di-beri kepada tentera² British itu ia-lah ration yang biasa di-gunakan oleh pehak tentera² British. Jadi, kita tidak membezakan perkara ini. Kita memberi ration menurut chara kehidupan sa-suatu puak itu.

Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas Hulu juga ada mengatakan mengapa kita hanya meminta bantuan dari Britain, Australia dan New Zealand bagi mempertahankan tanah ayer kita—menolong kita mempertahankan tanah ayer kita, mengapa kita tidak meminta pertolongan dari negeri² Commonwealth yang lain, seperti India dan Pakistan.

Saya suka menerangkan bahawa kita ada mempunyai Perjanjian Pertahanan dengan Britain yang di-sokong oleh Australia dan New Zealand; dengan negeri² yang lain, kita tidak ada Perjanjian Pertahanan dan jikalau mereka itu suka hendak menolong kita, kita bersedia hendak menerima pertolongan-nya, tetapi saya tahu-lah yang negeri² Commonwealth yang lain, seperti negeri India ada dengan hal-nya sendiri, menjaga pertahanan-nya sendiri—India pun terpaksa meminta pertolongan daripada negeri² lain untuk pertahanan-nya, begitu juga Pakistan. Negeri² Commonwealth yang lain ada-lah berjauhan dengan kita di-sini. Bagi Canada kita ada-lah meminta pertolongan dan Canada ber-setuju memberi pertolongan dengan mengadakan latehan² dan juga pertolongan perkakas², alat² peperangan.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Star Selatan ada mendatangkan pandangan, yang pertama-nya dia mengatakan yang kita patut-lah bertanggung-jawab atas hal pertahanan kita sendiri dan jangan-lah kita menggunakan askar² yang bukan askar Malaysia untuk melawan askar² Indonesia yang datang masuk ka-negara kita. Saya suka menerangkan, seperti yang saya telah terangkan sa-malam ia-itu dasar kita ia-lah hendak membesar dan meluaskan tentera² kita supaya kita mempunyai tentera yang cukup boleh mempertahankan tanah ayer kita daripada serangan² yang kecil, daripada serangan² gurila dan sa-bagai-nya, tetapi pada masa ini kita belum ada cukup lagi mempunyai tentera, sebab kita berchadang apabila di-tubuhkan Malaysia hendak di-perbesarkan dan di-perluaskan tentera² kita, kerana kita ada mempunyai kawasan yang lebeh, kawasan yang luas, pantai yang lebeh panjang, akan tetapi sa-belum kita dapat peluang hendak membesarkan dan meluaskan tentera² kita, Indonesia telah mendatangkan konfrontasi dan pencherobohan-nya terhadap kita. Jadi, terpaksa-lah kita menghadap musuh dengan serta-merta, dengan sebab itu-lah kita tidak mempunyai cukup tentera bagi hendak menjaga sempadan kita di-seluruh Sabah dan Sarawak dan juga di-sini. Dengan sebab itu-lah

kadang² kita terpaksa meminta pertolongan daripada tentera² Commonwealth.

Ahli Yang Berhormat ini berkata juga ia-itu pertolongan 48 juta daripada pihak British itu sangat-lah sedikit. Saya pun fikir sedikit juga, tetapi kita minta pertolongan pada orang kita tidak boleh hendak paksa, ini yang had yang dia bersetuju hendak beri, itu kita terima-lah. Kita harap dalam perundingan yang akan di-adakan sekarang ini, kita akan dapat bantuan daripada pihak British dengan lebeh banyak lagi. Ahli Yang Berhormat itu ada memberi pandangan berkenaan dengan latehan² pemandu kapal terbang, ia mengeshor-kan bahawa kita sangat tidak mempunyai pemandu² kapal terbang. Saya suka terangkan, kita bukan tidak mempunyai pemandu² kapal terbang. Kita ada mempunyai pemandu² kapal terbang, kita ada mempunyai pemandu² helicopter daripada anak² negeri sendiri, dan begitu juga pemandu² kapal terbang Transport Herald, tetapi bilangan-nya sangat kurang. Saya sendiri mengetahui bahawa kita maseh lagi berkehendakkan pemandu² kapal terbang daripada anak² negeri dengan lebeh ramai, dan saya daripada satu masa ka-satu masa telah menjalankan siasatan berkenaan dengan latehan² yang di-jalankan. Jadi Ahli Yang Berhormat itu mengatakan harus barangkali kekurangan pemandu² itu, sebab standard latehan kita barangkali terlampau tinggi jika di-bandingkan dengan negeri² lain. Jadi, saya telah bertanya hal ini, bukan daripada Pusat² Latehan di-sini, tetapi bertanya kepada pakar² yang datang daripada Canada dan Amerika juga. Mereka itu telah memberi pendapat bahawa dalam hal menjalankan kapal terbang ini dan memandu kapal terbang ini mustahak-lah kita jaga baik², sebab jikalau satu pilot tidak mempunyai latehan yang sempurna, nanti rosak kapal terbang, jatuh kapal terbang, bukan sahaja merbahaya kepada nyawa, bahkan banyak perbelanjaan² akan rugi, tetapi saya sedang menjalankan satu siasatan lagi, hal ini saya harap barangkali hendak membanyakkkan orang² kita berlatehan dan akan di-adakan latehan

dengan lebeh lanjut lagi, sebab yang kekurangan sekarang ini ia-lah untuk mendapatkan orang² yang mempunyai kelayakan yang cukup yang boleh di-beri latihan.

Jadi ini-lah sebab-nya kurang, terutama sa-kali daripada orang² Melayu. Saya telah chadangkan dan saya harap dapat di-adakan permulaan supaya dapat orang² yang barangkali mempunyai kelayakan yang kurang sedikit di-beri latihan lama sedikit, supaya dapat mereka itu mempunyai kelayakan sama juga dengan orang² yang lain juga. Tetapi perkara ini sentiasa-lah di-semak, sebab kita sa-benar-nya berkehendakkan pilot atau pemandu kapal terbang daripada anak² negeri lebeh ramai lagi, sebab kita sa-tiap masa dan pada satu masa akan membesarkan dan meluaskan Tentera Udara kita, dengan sebab itu-lah mustahak kita adakan pilot dengan lebeh banyak lagi.

Ahli Yang Berhormat dari Johor Bahru Timor ada menchadangkan bahawa mustahak-lah orang² perempuan, kaum ibu, itu di-benarkan masuk dalam tentera wataniah. Saya telah menyebutkan dahulu chadangan Kerajaan memang-lah hendak memberi peluang kapada kaum ibu bersama dengan kaum laki² masuk berkhidmat dengan Tentera Tempatan, dan pada masa ini kita telah ada pegawai tentera sukarela, ia-itu Naval Volunteer Reserve Signal Unit di-Singapura daripada orang² perempuan, dan saya harap dengan Tentera Tempatan akan dapat di-adakan beberapa Platoon daripada pehak kaum ibu yang muda yang umur-nya macham laki² juga-lah, ia-itu 18 sampai 28 tahun. Saya sukachita-lah bahawa kaum² ibu sanggup masuk bersama dalam Tentera Tempatan ini, dengan ini dapat-lah kita bersama² menjaga tanah ayer kita.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Kangsar ada bertanya bahawa dibawah pechahan Kepala 35 dan 41 barang² store, ada-kah peruntukan ini termasuk perbelanjaan bagi membeli ubat dan Pengkalan Perubatan. Saya suka hendak menerangkan peruntukan di-bawah Kepala 35 dan 41 ini ia-lah untuk membeli perkakas². Peruntukan

untuk membeli ubat² ada-lah di-Kepala 30 dan 45, ia-itu peruntukan bagi perubatan dan untuk peruntukan bagi ubat gigi dan sa-bagai-nya.

Ahli Yang Berhormat dari Melaka Selatan, ada bertanya mengapa kita tidak isikan jawatan General. Saya suka menyebutkan di-sini, jawatan General ada 3, satu General, satu Lieutenant-General, satu Major-General. Jadi tentera² kita belum-lah cukup bagitu besar hendak di-adakan General, tetapi tidak lama lagi kita akan adakan General, sekarang ini kita ada Lieutenant-General dan Major-General sahaja.

Ahli Yang Berhormat dari Muar Utara, meminta supaya Askar² Wataniah ini di-perbesarkan lagi. Saya telah menyebutkan, kita memang-lah hendak perbesarkan lagi Tentera Wataniah ini, sekarang telah pun di-besarkan sehingga menjadi 24 ribu orang pada masa ini, dan langkah² yang di-ambil untuk menambah lagi anggota-nya kapada 18 ribu orang, termasuk 2 ribu dari Singapura, begitu juga-lah Pasokan Pertahanan Tempatan atau pun Local Defence Corp, pada masa ini mempunyai 859 Platoon, dan akan di-tambah lagi lebeh kurang 1,459 Platoon.

Ahli Yang Berhormat dari Melaka Selatan juga menyatakan yang Director Territorial Army itu, patut-lah di-ambil dari Pegawai Tentera Tempatan, dan bukan pegawai yang telah bersara. Sa-benar-nya Director yang ada sekarang ini, bukan-lah di-ambil Pegawai Bersara, tetapi di-ambil dalam tentera, jadi saya mustahak-lah mengadakan satu orang menjadi Director itu sa-orang yang mempunyai pengalaman dalam tentera. Sebab banyak tanggungjawab yang di-tugaskan dalam hal ketenteraan ini maka itu-lah sebab-nya kita gunakan sa-orang Pegawai Tentera atau Regular Army Officer untuk menjadi Director Tentera Tempatan itu.

Mr Chairman, Sir, I would like to reply to three more Honourable Members who spoke in English. One Honourable Member from Sarawak suggested that we should purchase more helicopters for use in the States of Sabah and Sarawak. Mr Chairman,

Sir, we are in fact planning to purchase more helicopters and money for this has been included in the Development Estimates which this House will be examining early next week. I know too well how useful helicopters are and we intend to purchase more helicopters.

The Honourable Member for Bungsar suggested that employers should endeavour to help their employees who have been called up for training. Well, as the law stands at present, employers are under obligation to take back their employees after they have completed their call-up period, but there is no obligation on them to pay any salaries to the employees while they are being called up. However, I have written to all employers to help in this. I have asked them to help pay the differences in the salaries for those call-up officers while they are under training and I do hope that the employers will give their co-operation on this matter. It is very important that these people, who have voluntarily come forward to receive military training, should be given every assistance possible.

Sir, lastly, I come to the Honourable Mr Lee Kuan Yew, the Prime Minister of Singapore. I am very grateful to the Honourable Prime Minister of Singapore for his balanced and objective exposition of what our policy on defence should be. I must say that the policy he has suggested coincides very much with the policy that this Government has been following ever since we achieved independence. I never thought, Sir, that it was necessary for me to explain to this House at length this policy in this ninth year of my being Minister of Defence of this Government; it is a policy which we have consistently followed for the last nine years. In 1957, when we first achieved independence, I stated that as a small nation we would never be able to have sufficient armed forces to defend ourselves however much we decided to spend money on the armed forces. As a small nation we had to rely on friends and allies to defend ourselves should there be any attempt to take away our independence and our integrity. I also said that as a

small nation our policy should be to have armed forces sufficient to help the Police in the maintenance of law and order inside our country and inside our territorial waters and to undertake close defence of our country should there be any minor aggression against us. I also stated that, as a newly independent and developing nation, it would be far better for us to spend our resources on economic development, on giving our people a better and higher standard of living and on social services which our people desire so much, as they were very much neglected under the colonial rule. That is why, since 1957, I made a plan for a progressive expansion of our armed forces so that we would have a very well trained army, navy and air force capable of carrying out the task which they are expected to undertake, and that is why for many years we were able to keep the defence expenditure at the low level of 8% of our budget, while expenditure on social services such as health and education continued to increase at a greatly accelerated rate.

I remember some time in 1961, a Minister of Defence from a neighbouring country—I do not wish to mention the name—made an official visit to Malaya. He called on me to discuss defence problems. We talked about defence for about twenty minutes. Then I explained to him my plan for rural development, for the upliftment of the rural people, the “have nots” in our society, and we spent an hour and forty minutes discussing rural development. I told him that we had a small army but that the rural people, men and women in the kampongs and the villages were our soldiers because, if we have a contented people, there was no need to have a big army or a big defence force.

However, Sir, this happy state of affairs was not to last very long, and two important factors had made it necessary for us to modify our defence planning. First, as I stated yesterday, the establishment of Malaysia meant we had a bigger territory and a far longer coastline to protect. It meant that we had to have bigger armed forces than was needed before. We, therefore, made a new plan called the “Plan

Maiden". This plan would enable us to have sufficient armed forces to maintain law and order and to undertake close defence both in Malaya, Singapore, Sabah and Sarawak. However, just as we were about to implement this plan, came Indonesian aggression and confrontation. We had therefore to amend our plan. As Honourable Members would agree, defence problems looked at under peace-time conditions appear different when they are looked at under emergency or semi-war conditions. We had, therefore, to revise our plan. However, I would like to assure this House that, under our revised defence planning, it is not our intention to expand our armed forces beyond our normal requirement under normal conditions. Indonesian aggression had made it clear to us that it is necessary for us to have sufficient armed forces, army, navy and air forces, to deal with small infiltrations and guerilla warfare. As an independent, sovereign nation, we must be able to undertake defence against such minor acts of aggression and only ask our friends and allies to help if there is a major act of aggression, and this is our policy and this is the expansion plan that I intend to carry out during the next few years. I fully realise, as the Prime Minister of Singapore pointed out, that not only it is difficult to dismiss soldiers once they have been taken in but also armed forces are expensive to maintain. The army, navy and air force are all expensive to maintain and that is why, as I have stated, it is not our intention to have armed forces larger than what we consider absolutely necessary for the defence of our independence and our sovereignty. It is also our policy, as I have said, to have our forces well trained and to have them completely mobile, because we have such a vast territory to cover and such long borders to guard. Also, as I have said many times before and yesterday too at the Malaysian Trade Union Congress Conference, despite confrontation, it is the Government's policy and it is the Government's intention to proceed with our development programmes, because we feel and we are convinced

that the best defence for our country is a happy, contented and prosperous people. Although we are now placed under emergency, defence and security problems have been given top priority, but development comes only second to defence in the order of priority of Government's business. We are determined to proceed with these, if I may call, two dynamos of our policy. That is, while taking all necessary measures to defend ourselves against this confrontation and aggression, we shall do all we can within our ability and our resources to carry out economic development, to give our people a new deal, a new frontier, which they have desired for so long and which they are looking forward to so much.

Now, the Prime Minister of Singapore suggested that we should expand our volunteers of the Territorial Army. As I have said just now and as I have said yesterday, it is our policy to effect expansion of these auxillary units of our armed forces. As I have said yesterday also, we intend not only to expand the Territorial Army but also the Local Defence Corps. We have decided to increase the Local Defence Corps by another 40,000. Also we have decided to expand the training facilities for those registered under the call-up. At present, we have only one training centre at Port Dickson. It is my intention to have at least another three more training centres in other parts of Malaya and, perhaps, later to expand to the Borneo territories. But I would like to say that there is a limit to the use that we can make of the volunteers, the Territorial Army and the Local Defence Corps. They can be made to guard key points and to patrol their villages but they cannot and should not be made to do real fighting. Fighting must be done by regular soldiers, fully trained and equipped for the purpose. That is why, although I agree that we should expand our volunteer forces, I must caution that there is a limit to their use and that they cannot be substitutes for the regular army. That is why, our policy must be to have sufficient armed forces fully trained, fully equipped and mobile and to have a reasonable number of volunteers and reserve units to support

these regular forces to guard key points and important installations.

That is our policy, and I did not think it was necessary for me, having been the Minister of Defence for seven years, to speak on this every time in this House and to elaborate on this policy of this nation. However, as the Prime Minister of Singapore mentioned about this, I felt it was my duty to state once again what the policy of this Government on defence is.

Sir, thank you very much. (*Applause*).

Question put, and agreed to.

The sum of \$207,621,071 for Head S. 17 ordered to stand part of the Schedule.

House resumes.

Mr Speaker: Honourable Members, I have to report that the Committee of Supply on the Supply Bill, 1965 has progressed up to Head S. 17 of the Schedule.

ADJOURNMENT (MOTION)

Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab hari ini hari Sabtu dan saya perchaya Ahli² Yang Berhormat telah lama meninggalkan rumah, berasa suka dan rindu hendak balek, saya mohon izin menchadangkan di-bawah Standing Order 16 (3) usul yang berikut—

That the proceedings of the Committee of Supply this day be deferred and that this House shall now adjourn.

Dato' Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, saya sokong.

Question put, and agreed to.

Resolved,

That the proceedings of the Committee of Supply this day be deferred and that this House shall now adjourn.

Mr Speaker: The House is now adjourned till 10 a.m. on Monday, 14th December, 1964.

Adjourned at 5.35 p.m.